

KELUARAN
ANGKATAN NAHDHATUL
ISLAM BERSATU (BINA)



Al-HUDA

SIRI PENGAIJIAN DAN MEDIA SILATURRAHIM

الهدا

TAHUN 2,
NOMBOR 18,
JAMADIL
AKHIR, 1407/
FEBRUARI,
1987

PEMIMPIN SOVIET KIAN MENENTANG AGAMA

Renungan sejenak
**PERSAUDARAAN
ISLAM DAN
MESIR**

سادات راعي
خاتم بحثه كطاهر عاصي لرشد انت وشكري حاج عبدالغفار محمد
بر ١٩٨٠ - ٢٠٠٦

SIKAP WAJAR
MENGHADAPI USIA TUA



KOPERASI ANIB BERHAD

HADIAH GALAKAN PELAJARAN 1986

Permohonan adalah dipelawa DARIPADA AHLI-AHLI KOPERASI ANIB BERHAD BAGI mendapat hadiah GALAKAN PELAJARAN UNTUK ANAK-ANAK mereka yang mendapat keputusan cemerlang di dalam Peperiksaan Tahun 1986 seperti tercatat di bawah:-

(a) PENILAIAN DARJAH 5

Mendapat agregat 5A

(b) SIJIL RENDAH PELAJARAN (SRP)

Mendapat 15 unit ke bawah

(c) SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM)

Mendapat Pangkat Satu (Grade 1)

Permohonan hendaklah mengisi borang yang boleh didapati daripada PEJABAT KOPERASI ANIB, d/a Ibu Pejabat BINA, Jalan Tun Datuk Patinggi Haji Abdul Rahman Ya'kub, Petra Jaya, Kuching.

Tarikh tutup untuk menghantar borang permohonan ahli bagi peperiksaan (a) dan (b) seperti tercatat di atas ialah 28 FEBRUARI 1987 kecuali peperiksaan (c) akan di umumkan kemudian.

قُلْ إِنَّمَا مَدْيَ اللَّهِ هُوَ الْمَهْدُىٰ
(البقرة: ١٢٠)

Katakanlah: "Sesungguhnya pertunjuk Allah itulah pertunjuk yang sebenarnya." (Al-Baqarah 120)

**TERHAD
UNTUK PARA AHLI SAHAJA**

Ibu Pejabat,
Jalan Datuk Patinggi
Haji Abdul Rahman Yakub,
Petra Jaya, 93050 Kuching,
Sarawak, Malaysia.

Telifon: 082-443993,
082-443994 ext. 11 atau 31

AL-HUDA

TAHUN 2, NOMBOR 18, jamadil akhir 1407/FEBRUARI 1987

KANDUNGAN

Da'wah Islamiah dan tenaga pelaksananya	3
Ikhwan dan Demokrasi	13
Sikap wajar menghadapi usia tua	20
Konsep ibadat dalam Islam	24
Dapatkan Husnul Khatimah	31
Gelagat lelaki memilih isteri	36
Laporan Koperasi Anib	40
Suara dari Mimbar	
Musyawarah Agung Koperasi Anib	
Yang Ke Tujuh	43
Mush'ab bin-Umair	46
(Ruang Muslimah) Ingat meningatkan	51
Berita Dunia Islam	53
Pemimpin Soviet kian menentang Agama	56
Mahasiswa adakan khemah kerja	57
Abg. Johari lawat	
Darul iman	61
Rangkuman Do'a	63
Jadual waktu	64

PENGUMUMAN

Tuan-Tuan dan Puan-Puan, Muslimin dan Muslimat sekalian;

Dimaklumkan dengan segala hormatnya bahawa pihak pengurusan penerbitan Risalah AL-HUDA mengalaukan sumbangan derma seikhlas hati bagi membaiayai penerbitan seterusnya risalah ini.

Tiap-tiap derma akan dikeluarkan resit resmi yang boleh dikecualikan daripada cukai pendapatan.


Segala sumbangan boleh dialamatkan seperti berikut:-

Kepada:
Pengarah,
Penerbitan Al-Huda,
Ibu Pejabat BINA,
Jalan Tun Datuk Patinggi
Haji Abdul Rahman Ya'kub,
Petra Jaya, 93050 Kuching, Sarawak.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.
Pengarah

Penasihat USTAZ HAJI FATHI HAJI DUET • Pengarah TUAN HAJI MOKHSEN IBRAHIM • Ketua Unit Penerbitan/Rekabentuk/Pengurus Iklan BUJANG JENAL • Ketua Pengarang USTAZ HAJI MORTADZA HAJI DAUD • Penolong Ketua Pengarang USTAZ HAJI HASSANOEDDIN ABU BAKAR • Sidang Pengarang USTAZ HAJI BAHARUDDIN MANSUR, USTAZ SYED MUHAMAD ALW AL-ATTAS, DR. WAN ALI TUANKU MADHI, USTAZAH ROHANI BINTI AWI, USTAZ HAJI ALI FATHULLAH HARUN.

DAKWAH



Ummat Islam bilangannya meningkat dari abat-keabat.

DAKWAH ISLAMIAH DAN TENAGA PELAKSANANYA

OLEH HASAB

Bismillahirrahmanirrahim

(الدعوة الاسلامية والدعاة)

١) UMMAT ISLAM SEDUNIA

Kurang lebih 900 juta ummat Islam diseluruh dunia merupakan hampir sepertiga daripada jumlah penduduk dunia keseluruhannya. Kita merasa bangga dengan pertumbuhan dan perkembangan jumlah ini, beribu kali, ya, beratus ribu kali ganda daripada jumlah semasa hayatnya Baginda Rasulullah s.a.w.

Empat belas abad lebih sampai sekarang, Agama Islam yang diturunkan oleh Allah s.w.t. kepada Junjungan kita Nabi Muhammad s.a.w. telah di DA'WAH kan kepada ummat manusia, dimulai oleh Baginda Rasulullah s.a.w. sendiri, diikuti oleh para sahabat beliau, diteruskan oleh para tabi'in, dilanjutkan oleh para tabi'it-tabi'in dan para pejuang Islam yang ikhlas sundut-bersundut sampai kemasa kita sekarang dan insyaallah samapi keakhir zaman kelak.

Perjuangann menegakkan Agama suci ini telah memakan masa dan mengalami pasang-surutnya, yang mana telahpun dicatatkan dalam sejarah Islam, yang dapat dibaca oleh setiap orang.

Demikianlah Agama suci ini, yang tersimpul didalam Kitab suci Al-Quranulkarim, telah diwaris dan diperjuangkan oleh hamba-hamba Allah yang telah dipilihNya, sebagaimana firmanNya dalam surah 35 (Fathir), ayat 32:

ثُمَّ اورتَنَا الْكِتَابَ الَّذِينَ اصْطَفَيْنَا مِنْ

عَبَادَنَا ، فَنَهْمَ طَالِمَ لِنَفْسِهِ
وَنَهْمَ مَقْتَصِدٍ وَنَهْمَ سَابِقٍ
الْخَيْرَاتِ بِأَذْنِ اللَّهِ ،
ذَلِكَ هُوَ الْفَضْلُ الْكَبِيرُ .

(الفاطر: ٣٢)

Yang bermaksud: "Kemudian, kami wariskan Kitab itu kepada mereka yang Kami pilih daripada hamba-hamba Kami, lalu diantara mereka ada yang menganiaya diri mereka sendiri (dengan sebab tidak dapat menunaikan kewajipan-kewajipannya), dan diantara mereka ada yang pertengahan saja (tidak maju dan tidak mundur), dan diantara mereka ada pula yang lebih cepat berbuat kebaikan-kebaikan dengan izin Allah. Yang demikian itu adalah kurnia yang amat besar."

Dan diantara para Mujahidin pula Allah s.w.t. telah melukiskan perjuangan mereka, diantaranya seperti yang tersebut dalam Surah 33 (Al-Ahzab), ayat 23:

مِنَ الْمُؤْمِنِينَ رِجَالٌ صَدَقُوا
مَاعَاهُدُوا اللَّهُ
عَلَيْهِ ، فَنَهْمَ مِنْ قَصْرِ نَحْبِهِ ،
وَنَهْمَ مِنْ يَنْتَظِرُ وَسَابِدُوا
تَهْدِي سِلا .

(الاحزاب: ٢٣)

Yang bermaksud: "Diantara orang-orang Mu'min itu ada beberapa laki-laki (pejuang-pejuang) yang menepati apa yang mereka telah janjikan kepada Allah; maka diantara mereka ada yang gugur (dalam medan perjuangan); dan diantara mereka ada pula yang sedang menunggu-nunggu; dan mereka sedikitpun tidak merubah (janji/pendiriannya)!"

Mereka yang telah terdahulu, telah melukis sejarahnya. Mari kita belajar dari sejarah.

٠ نَ وَالْقَلْمَ وَمَا يَطْرُونَ ٠ (الْقُمْ : ١)

"Nuun, demi kalam dan apa yang mereka tuliskan!"

Dalam pada itu mari kita layangkan pandangan keseluruh pelusuk dunia, apa gerangan yang telah dan yang sedang berlaku, agar kita dapat meninjau keadaan diri sendiri.

فَسِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَانظُرُوا كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ السَّكَّرِ بِينَ ٠ (النَّحْلُ : ٣٦)

"Maka berjalanlah kamu dimuka bumi, dan perhatikanlah bagaimana kesudahan orang-orang yang mendustakan (rasul-rasul).

2) TIGA KEKUATAN BESAR DI-DUNIA

Orang sekarang terpengaruh kepada kenyataan adanya dua kekuatan raksasa didunia, yang biasa dipanggil dengan "super powers", iaitu Amerika dan Rusia.

Tetapi, kalau kita teliti lebih mendalam kepada latar belakang perjuangan daripada manusia-manusia didunia, maka sebenarnya terdapat tiga kekuatan besar, dan kenyataan ini sesuai dengan kelompok ummat manusia menurut agama dan kitab suci yang diturunkan Tuhan keatas dunia, iaitu:

- i) Yahudi
- ii) Nasrani
- iii) Islam

Adapun keduadua "super powers" Amerika dan Rusia itu adalah merupakan alat perjuangan daripada ummat Yahudi, yang memegang kuasa politik, ekonomi, telekomunikasi dan persenjataan, dibantu atau bekerjasama dengan ummat Nasrani.

Kekuatan ketiga, iaitu ummat Islam, yang kebetulan sebahagian besar mendiami kawasan-kawasan subur dan kaya didunia, nyatanya sekarang merupakan kekuatan ummat yang lemah.

Kerjasama Yahudi dan Nasrani dalam menghadapi ummat Islam adalah satu fakta sejarah yang berkelanjutan, disebabkan kebencian mereka terhadap Agama yang diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w., sebagai mana telah diutarakan oleh

Allah s.w.t. sendiri dalam Surah 2 (Al-Baqarah), ayat 120:

وَلَنْ تَرْضَى عَنْكَ الْيَهُودُ
وَلَا النَّصَارَى حَتَّىٰ تَتَبَعَ مَطْلَبَهُمْ .
(البقرة : ١٢٠)

Yang bermaksud: "Orang-orang Yahudi dan Nasrani tidak akan senang kepada kamu, hingga kamu mengikuti agama mereka."

Sebenarnya kekuatan ummat Islam sudah mulai runtuh semenjak abad ketujuh Hijrah lagi (1200 M), ialah setelah pusat-pusat kekuasaan Islam di Bagdad, di Mesir dan di Andalus pecah belah disebabkan persengketaan diantara sesama sendiri. Maka dengan mudah pihak Kristen dengan Angkatan perang Salibnya dan juga pihak kerajaan Mongolia dibawah pimpinan Jenghis Khan menyerbu menghancurkan kerajaan-kerajaan Islam.

Adapun sebab yang utama daripada kehancuran kekuatan Islam itu ialah kerana ummatnya sendiri sudah mengabaikan ajaran Agamanya. Inilah yang pernah dikhawatirkan oleh Nabi Besar Muhammad s.a.w. yang diungkapkannya dalam salah satu hadis:-

يُوشَكُ أَنْ تَتَدَاعَى عَلَيْكُمُ الْأُمُّ
كَمَا تَتَدَاعَى الْأَكْلَةُ عَلَىٰ قِصْمَتِهَا

فَقَالَ قَاتِلٌ : أَوْمَنْ قَلَةٌ نَحْنُ
يَوْمَئِذٍ ؟ ، قَالَ : لَا ، بَلْ أَنْتُمْ
يَوْمَئِذٍ كَثِيرُونَ ، وَلَكِنْكُمْ كَفُورٌ
السَّيْلِ ، لَيْزِرُ عَنَ اللَّهِ مِنْ
صُدُورِهِمُ الْمَهَابَةُ مِنْكُمْ
وَلَيَقِنُ فَعَنْ فِي قُلُوبِكُمُ الْوَهَنُ ،
قَبِيلٌ : مَا الْوَهَنُ يَا رَسُولَ اللَّهِ ؟
قَالَ : حَبَّ الدُّنْيَا وَكَرَاهِيَّةُ
الْمُوتِ .
(ابوداود)

Artinya: "Suatu waktu kelak kamu (ummah Islam) akan diperebutkan oleh ummat lainnya seperti orang-orang rakus memperebutkan satu hidangan." Bertanya sahabat kepada beliau; "Apakah karena kita pada waktu itu sedikit bilangan?" Dijawab oleh Baginda: "Tidak, bahkan bilangan kamu pada masa itu banyak, tetapi hanya ibarat buih yang mengapung-apung. Allah mencabut dari hati mereka (musuh) perasaan takutnya terhadap kamu, sementara dalam hatimu berjangkit penyakit "wahan". Bertanya sahabat, "Apa itu penyakit wahan?" Dijawab oleh Rasulullah, "Itulah dia penyakit 'cinta dunia dan takut mati'".

Cuba kita renungkan hadis ini, dan cuba kita perhatikan bagaimana pernilaian dunia internasional terhadap kelompok ummat Islam diforum antarabangsa? Apakah ada mereka menghargai pembicaraan kita? Apakah ada mereka mengambil berat terhadap cadangan-cadangan yang pernah kita kemukakan dalam forum resmi itu, misalnya tentang penyelesaian masalah Palestina, tentang penindasan terhadap ummat Islam di Filipina Selatan, tentang penyiksaan dan pemaksaan masuk kristen terhadap ummat Islam di Etiopia, dan sebagainya?

Dalam pada itu mereka membuat berbagai macam siasat untuk mengeruk sebanyak-banyak kekayaan dari kawasan-kawasan ummat Islam yang kaya dengan sumber-sumber alamnya. Mereka bermuka manis dan menghulurkan bantuan-bantuan kepada negara-negara Islam atau negara yang berpenduduk majoriti Islam yang baru merdeka daripada penjajahan.

Dengan cara demikian, maka negara-negara Islam itu sudah menjadi "anak wayang" kepada mereka, yang dapat mereka kendalikan secara halus atau kalau perlu secara kasar, menurut kemauan mereka sendiri. Inilah penjajahan bentuk baru, menggantikan penjajahan bentuk lama.

Sekali lagi kita kembali menjadi anak jajahan! Mengapa?

3) MARI KITA MEMAHAMI SUNNATULLAH

Allah s.w.t. telah berjanji akan memberikan kekuasaan didunia kepada ummat Islam, seperti tersebut dalam firmanNya, surah 24 (An-Nuur), ayat 55:

وَعَدَ اللَّهُ الَّذِينَ اتَّوْا مِنْكُمْ
وَعَلَوْا الْمَالَاتِ لِيُسْتَخْلِفُنَّهُمْ
فِي الْأَرْضِ كَمَا اسْتَخْلَفُ الَّذِينَ
مِنْ قَبْلِهِمْ وَلَا يَحْكُمُنَّ لَهُمْ مِنْهُمْ
الَّذِي ارْتَقَى لَهُمْ وَلَمْ يَدْلِلْنَاهُمْ
مِنْ بَعْدِ خُوفُهُمْ أَنْتَ أَنْتَ
يَعْلَمُ وَنَحْنُ لَا يَشْرُكُونَ بِنِي
شَيْئًا، وَمَنْ كَفَرَ بِعِدَّ ذَلِكَ
فَأُولَئِكَ هُمُ الْفَاسِقُونَ ٠

(النور: ٥٥)

Yang bermaksud: "Dan Allah telah berjanji kepada orang-orang yang beriman diantara kamu dan yang mengerjakan amal-amal saleh, bahwa DIA sungguh-sungguh akan menjadikan mereka berkuasa dibumi, sebagaimana DIA telah menjadikan orang-orang yang sebelum mereka berkuasa; dan sungguh DIA akan meneguhkan bagi mereka Agama yang telah diredhaiNya un-

tuk mereka, dan DIA benar-benar akan menukar (keadaan) mereka, sesudah mereka berada dalam ketakutan, menjadi aman sentosa, selama mereka tetap mengabdi kepadaKU, tanpa mempersekuTkan AKU dengan apa juapun dan barangsiapa yang tetap kafir sesudah janji itu, maka mereka itulah orang-orang yang fasik."

Sekarang bagaimana kita dapat memahami dan menafsirkan ummat yang dijanjikan Allah sebagai pemegang kendali dunia ini, yang ternyata terpelanting jauh dari panggung kekuasaan? Sedang ummat lainnya justru memegang tumpuk kekuasaan dunia?

4) DUA SYARAT KEMENANGAN

Seperti tersebut didalam ayat tadi ada dua syarat yang mesti dipenuhi oleh ummat Islam untuk mendapatkan kemenangan.

- 1) Mereka mesti beriman dan beramal saleh.
- 2) Mereka hendaklah mengabdi hanya kepada Allah, tanpa mempersekuTkanNYa dengan sesuatu apapun.

Sekarang, apakah ummat Islam telah memenuhi syarat-syarat yang ditentukan Tuhan pada mereka?

Mari kita perhatikan kehidupan sehari-hari daripada ummat Islam baik di Barat maupun di Timur, bahkan didalam Negara Islam itu sendiri. Bukan saja gaya hidupnya

sudah menyerupai gaya hidup orang kafir, bahkan kewajipan mengerjakan sembahyang sehari-hari pun sudah berani mereka tinggalkan; sedikitpun mereka tidak merasa gentar lagi meninggalkan syari'at Islam dalam segenap aspek kehidupan mereka. Walaupun mereka masih senantiasa mengucapkan dua kelimah syahadat, akan tetapi dalam kenyataan sehari-hari mereka hanya menengakkan aturan dan hukum jahiliyah (thagut), bukan aturan dan hukum daripada Allah. Apakah penyelewengan yang lebih besar daripada penyelewengan ummat Islam itu sendiri, bahkan penyelewengan daripada para Ulama dan Umara'nya, yang telah membiarkan Syari'at Islam tidak lagi ditegakkan dalam kehidupan ummat Islam secara menyeluruh?

5) PELAJARAN DARI KISAH NABI IBRAHIM A.S.

Sunnatullah tidak pernah berubah dan tidak pernah bertukar.

Firman Allah berikut berisikan pelajaran, pendidikan dan pengarahan:

وَإِذَا أَبْتَلُنَا إِبْرَاهِيمَ رَسُولَنَا
بِكَلَّاتٍ فَأَتَسْهِنُ، قَالَ أَنِي
جَاعِلٌكَ لِلنَّاسِ أَمَامًا، قَالَ :
وَمَنْ ذُرْتَنِي، قَالَ : لَا يَنْهَا

عہدی الظالمن .

(البقرة : ١٢٤)

Artinya: "Dan ingatlah, ketika Ibrahim diuji oleh Tuhan dengan beberapa kalimat (perintah dan larangan), lalu Ibrahim menunaikannya. Allah berfirman: "Sesungguhnya Aku akan menjadikan kamu IMAM (PEMIMPIN) bagi seluruh manusia". Ibrahim berkata: "Dan saya mohon juga daripada keturunanku." Allah berfirman: "Janjiku ini tidak mengenai orang-orang yang zalim." (Al-Baqarah: 124).

Jadi, walau bagaimanapun Nabi Ibrahim a.s. yang telah diakui oleh Allah sebagai seorang KhalilNya, atau sahabat yang terdekat kepada Nya, dan telahpun mengangkatnya sebagai Pemimpin bagi ummat manusia, namun Allah tidak memperkenakan permohonan Nabi Ibrahim, yakni agar Allah memberikan hak memimpin itu kepada anak cucu atau generasi dibelakangnya. Dengan tidak berbasas basi, bahkan dengan tegas Allah telah menjawabnya, bahwa siapa juapun diantara ummat sesudah Nabi Ibrahim itu tidak akan memegang pimpinan atas ummat manusia, selama mereka durhaka terhadap Allah atau selama mereka tidak mengatur hidupnya menurut aturan dan hukum-hukum Allah.

6) BAGAIMANA DENGAN UMMAT YAHUDI DAN NASRANI SEKARANG?

Ummat Yahudi dan Nasrani sekarang nyata-nyata merupakan orang-orang yang menyeleweng dari Agama Allah, tetapi mereka justru yang menduduki takhta-takhta kekuasaan, baik di Amerika maupun di Rusia atau di Eropa.

Apakah hal ini berlawanan dengan Sunnatillah?

Tidak! Mari kita semak pernyataan Allah dalam Surah 6 (Al-An'am), ayat 44:

فَلَمْ يَنْسَا مَا ذُكِرَ وَإِذْ فَتَحْنَا
عَلَيْهِمْ بَوْبَ كُلِّ شَيْءٍ حَتَّىٰ
إِذَا فَرَحُوا أَخْذَنَا هُنْ هُنْ فَتَحْتَهُ
فَإِذَا هُمْ مُبْلِسُونَ .
(الأنعام: ٤٤)

Yang bermaksud: "Maka tatkala mereka melupakan peringatan yang telah diberikan kepada mereka, kami pun membuka semua pintu-pintu kesenangan untuk mereka, sehingga apabila mereka bergembira dengan apa yang telah diberikan kepada mereka, kami siksa mereka akan sekonyong-konyong, maka ketika itu mereka terdiam-berputus asa."

Percayalah, bahwa segala kesenangan dalam bidang kekuasaan politik, ekonomi, sains dan teknologi, yang mereka perolehi sekarang itu adalah hanya buat sementara waktu sahaja. Akan datang sa'atnya mereka mengalami kehancuran, selama mereka tidak mau kembali kejalan Allah.

7) **APA YANG MESTI DIUSAHKAN OLEH ANGKATAN DA'WAH DEWASAINI?**

Dua tugas pokok yang mesti dihadapi dengan penuh kesungguhan dan keikhlasan:

Pertama:

Mengisi ummat Islam dengan pengertian yang sebenarnya mengenai Agamanya, sehingga mereka faham, dapat menghayati dan langsung mengamalkannya dalam kehidupan sehari-hari, ditempat manapun dan dimasa manapun mereka berada.

Masalah AQIDAH, IBADAH dan AKHLAQ adalah masalah-masalah pokok yang benar-benar mesti diperdalam pemahaman dan penghayatannya, kerana justru inilah yang menjadi kekuatan penentu dan pemandu kepada segala kegiatan mereka dalam bidang politik, ekonomi, sosial kemasyarakatan, pemerintahan dan lain-lain aktiviti kebudayaan.

Pelajaran, pendidikan dan latihan amali kejurusan ini hendaklah

dimulai sejak dari awal-awal Jagi, sekurang-kurangnya dari mulai umur kanak-kanak.

Tenaga Pendakwah

Maka untuk ini badan-badan Da'wah Islamiah hendaklah menampilkan tenaga-tenaga pend'wah yang benar-benar mempunyai ilmu dan kesanggupan, bukan hanya sekadar mempunyai ijazah atau berbagai macam sijil dari Institusi Pengajian tinggi. Kualiti atau mutu daripada seseorang penda'wah dinilai tidak hanya dari atas, akan tetapi juga dari bawah, oleh pihak masyarakat sendiri. Kesanggupan seorang penda'wah menguasai bahasa tempatan dan memahami keadaan dan kehidupan masyarakat dimana dia bertugas, adalah satu faktor yang menentukan untuk mendapatkan hasil yang dituju.

Terhadap golongan intelektual Islam yang berpendidikan Barat dan kurang memahami ajaran Islam yang sebenarnya, perlulah ditampilkkan penda'wah-penda'wah yang sanggup menyajikan ajaran AQIDAH, IBADAH dan AKHLAQ itu hingga dapat membimbing ilmu akademik yang dipunyai oleh golongan tersebut bagi kegunaan yang sesuai dengan ajaran Islam. Saidina Ali Karramallahu wajhah telahpun memberi peringatan:

كُلُّ مَا هُنَّا كُلُّهُمْ قَدْ رَأَيْتُمْ .

"Bercakaplah dengan mereka menurut kadar kecerdasan akal mereka itu".

Bantuan Kewangan

Jika ada bantuan kewangan dari pihak-pihak tertentu bagi kepentingan da'wah, hendaklah digunakan sebanyak-banyaknya untuk mencapai tujuan da'wah yang nyata manfaatnya bagi kemajuan ummat dalam lapangan-lapangan hidupnya, dan janganlah dihambur-hamburkan untuk mendirikan projek-projek kemegahan (mercu suar), atau untuk acara-acara yang bersifat perayaan dan kegembiraan belaka. Juga janganlah digunakan untuk membeli alat-alat moden yang tak sesuai dengan kepentingan masyarakat yang masih sederhana. Kewangan dan alat-alat yang tersedia hendaklah dapat digunakan bagi membangkitkan dan mendorong timbulnya auto-activity atau kegiatan sendiri daripada ummat yang bersangkutan. Ummat mesti diajar dan dilatih berfikir dan percaya pada kekuatan diri. Hendaklah ditimbulkan initiative mereka dan didorong supaya suka berbuat apa saja usaha-usaha yang berfaedah atau yang ma'ruf. Bebaskan mereka dari ketakutan dan ketergantungan kepada pihak atasaran, dalam rangka ajaran Tauhid, dimana hanya Allah sahaja yang berhak memegang punca kendali ("Allahu shammad"). Maka pelaksanaan operasional dari

pihak Penda'wah dilapangan mestilah didukung oleh kebijaksanaan (policy) dari pihak pemegang amanah kewangan dipusat Pertubuhan Gerakan Da'wah yang bersangkutan.

Matlamat

Satu JAMA'AH UMMAT ISLAM YANG KAUT:

- a) kuat dalam Aqidah,
 - b) kuat beribadah,
 - c) teguh dalam akhlaq mulia,
 - d) kuat dalam ilmu dan teknologi,
 - e) kuat dalam ekonomi,
 - f) kuat dalam politik,
- adalah matlamat yang harus dicapai dalam rangka Da'wah Islamiah dewasa ini.

Setiap individu Muslim mesti berada dalam jamaah dan wajib membina serta menghidup suburkan jama'ahnya. Manakala Jama'ah sendiri mestilah membela kepentingan individu-individu ahlinya.

Baik individu maupun jama'ah ummat Islam hendaklah menjadi contoh dan tauladan bagi manusia-manusia disekitarnya, selaku ummat yang terbaik dalam segala lapangan hidup.

Bukankah Allah s.w.t. telah berfirman dalam:

- 1) Surah Al Imran ayat 110:

كُنْتُ خَيْرًا مَا خَرَجْتُ لِلنَّاسِ
ثُمَّ مَرَوْنَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَهْوِنُ

عن المنكر و تهون بالله .

• (آل عمران : ١١٠)

Yang bermaksud: "Adalah kamu satu ummat yang terbaik yang dilahirkan untuk manusia, menggalakkan serta memerintahkan pekerjaan yang ma'ruf, melarang serta membasmi pekerjaan yang mungkar dan senantiasa beriman kepada Allah."

2) Surah Al-Baqarah ayat 143:

وَذَلِكَ جُعْلَنَاكُمْ أَمَّةً وَسَطًا
لِتَكُونُوا شَهِيدًاٰ عَلَى النَّاسِ
وَيَكُونَ الرَّسُولُ عَلَيْكُمْ شَهِيدًاٰ .
• (البقرة : ١٤٣)

Yang bermaksud: "Dan demikianlah Kami telah menjadikan kamu satu ummat yang adil dan pilihan, agar kamu menjadi saksi atas perbuatan manusia dan agar Rasul (Muhammad) menjadi saksi atas (perbuatan Kamu.)"

Kedua:

Menyeru, memanggil atau menga-

jak orang-orang yang belum memeluk agama Islam, supaya masuk kedalam Agama Suci ini.

Tugas ini memerlukan kesungguhan serta keikhlasan yang benar-benar, daripada setiap jama'ah Pertubuhan Islam dan dari setiap individu Muslim.

Alat yang utama ialah:

- 1) Akhlaq dan tingkah laku daripada orang-orang Islam sendiri, mestilah dapat menarik dan menjadi contoh bagi mereka yang masih belum Islam.
- 2) Kita hendaklah sanggup menyajikan konsep-konsep yang lebih baik dalam bidang pendidikan, kebudayaan, ilmu, teknologi, ekonomi, pentadbiran dan sistem-sistem kehidupan lainnya.
- 3) Dalam segala hal kita hendaklah sanggup memulai setiap cadangan dengan diri kita sendiri, baik secara perseorangan maupun secara berjama'ah.
- 4) Satu Gerakan Da'wah yang berwibawa.mesti dilancarkan, demi menunaikan tugas: "Amar ma'ruf, Nahi munkar."



(RENUNGAN SEJENAK)

PERSAUDARAAN ISLAM DAN MESIR

SUSUNAN B.R.

MUNGKINKAH TERJADI?

- 1) Mungkinkah Ikhwan al Muslimin telah menjadi teras demokrasi di arena politik Mesir? Sudah pastinya kedudukan parti itu, di segi ideologi, yang menentang sistem berbilang parti menghalangnya daripada menjalin perhubungan yang membina dengan parti-parti politik yang lain. Ikhwan merasa tersinggung dengan sikap sekular yang ditunjukkan oleh parti yang paling popular, al-Wafd, manakala al-Wafd pula telah tidak dapat menerima hakikat mengenai penubuhan sebuah negara Islam yang akan melaksanakan hukum-hukum syariah (walaupun Mustapha Al-Nahas, pemimpin al-Wafd, sendiri berpuasa dan bersembahyang, serta menghias ucapan-ucapan dan tulisan-tulisannya dengan ayat-ayat suci Al-Quran).
- 2) Semasa Ikhwan al Muslimin

berkembang, pergeseran dengan Wafd tidak dapat dielakkan, lebih-lebih lagi sewaktu parti Wafd memperoleh kuasa dalam tahun 1942 dengan sokongan British. Kesediaan parti berkenaan mengambil alih kuasa walau dengan cara apapun - sekalipun dari pihak British - menggugat kedudukannya sebagai pemimpin perjuangan kebangsaan untuk kemerdekaan, dan menyemarakkan lagi perasaan benci Ikhwan terhadapnya.

- 3) Pada tahun 1942, Hassan al-Banna telah memutuskan untuk bertanding merebut kerusi parliment di Ismailiya - tempat lahirnya pertubuhan Ikhwan al Muslimin. Dia menerima tekanan kuat dari al-Nahas, yang pada ketika itu menjadi Perdana Menteri, untuk menarik balik pencalunannya, kerana pihak British enggan menerima kehadrannya dalam parliment. Satu persetujuan telah

-
- tercapai, dan al-Banna bersetuju menarik balik pencalunannya dengan syarat Ikhwan al Muslimin dibenar menjalankan aktiviti-aktivitinya tanpa halangan dari pihak berkuasa. Meskipun persetujuan telah dicapai, namun tidak lama kemudian, banyak cawangan-cawangan Ikhwan ditutup kerana keadaan daurat yang diisyiharkan oleh pihak British dalam Perang Dunia Kedua. Namun, pertubuhan tersebut tidak dibubarkan. Tidak lama kemudian, perdamaian telah tercapai diantara kedua-dua belah pihak (Ikhwan al Muslimin dan Wafd) dan pengumuman dibuat mengenai pembukaan semula cawangan-cawangan yang duluinya ditutup. Pemimpin-pemimpin Wafd juga mula melawat Ibu Pejabat Ikhwan.
- 4) Bagaimanapun, perbalahan berlaku semula dalam tahun 1946/7 diantara kedua-dua belah pihak, walaupun parti Wafd bukan parti yang memerintah pada ketika itu. Pengaruh Ikhwan al Muslimin mulai meresap dikalangan orang ramai. Pengikut-pengikut Wafd mulai sedar bahawa popularitinya kian terancam dan menganggap Ikhwan sebagai salah sebuah komponen pertubuhan menyokong kerajaan anti-Wafd yang memerintah semenjak tahun 1944. Tapi Wafd telah salah anggapan, sebagaimana terbukti dalam kejadian dan peristiwa-peristiwa yang telah berlaku kemudian. Pada tahun 1948, Perdana Menteri, Noqrashy, yang anti-Wafd, telah memerintahkan dibawah undang-undang tentera, agar Ikhwan al Muslimin dibubarkan, dan sekawtu pemerintahan Wafd pada tahun 1950 pula, mereka enggan menyokong kebangkitan semula Ikhwan.
- 5) Bagaimanapun, dalam perperangan menentang pendudukan British di kawasan terusan Surz, ahli-ahli sukarelawan Ikhwan al Muslimin menerima banyak sanjungan dari orang-orang awam sehingga menarik perhatian Menteri Dalam Negeri bagi kerajaan Wafd pada waktu itu, Fuad Siraj el-Din, yang mula memandang Ikhwan al Muslimin dengan penuh minat dan sokongan.
- 6) Perhubungan Ikhwan al Muslimin dengan parti-parti anti-Wafd juga tidak begitu baik. Parti-parti berkaitan menyokong sikap sekular al-Wafd, dan dalam hal yang sama menentang penubuhan sebuah negara Islam yang mempraktikkan undang-undang Syariah. Tambahan pula, pengasas parti Sa'di - sebuah kumpulan yang berpecah dari al-Wafd - Ahmed Maher, adalah seorang Freemason yang terkemuka, dan seorang tokoh di arena lumba kuda. Pada tahun 1944, beliau juga telah menghalang pencalunan al-Banna

untuk kerusi Islmailiya, bukan secara terang-terangan tetapi dengan tipu-helah.

- 7) Kemasyhuran Ahmed Maher menurun apabila beliau mengisyiharkan perperangan disamping kuasa-kuasa Perikatan untuk menentang kuasa Axis, walaupun pengisyiharan yang dibuat dalam tahun 1944 itu hanyalah sebagai satu taktik yang membolehkan Mesir hadir di Perhimpunan San Francisco dan menjadi ahli Bangsa-Bangsa Bersatu. Maher kemudiannya dibunuh oleh seorang pejuang kebangsaan - bukan ahli Ikhwan al Muslimin - dan telah digantikan oleh Noqrashi, seorang yang jujur tetapi keras dan tidak popular, yang kemudiannya dipaksakan meletak jawatan dalam tahun 1946.
- 8) Penentang-penentang Wafd yang lebih tua ialah Ahli Perlembagaan Liberal yang mewakili kaum bangsawan adalah berbeza dengan pergerakan Ikhwan al Muslimin, yang lebih mementingkan perpaduan tenaga. Sebagai pelopor kebebasan, dan pelindung perlembagaan, pengikut-pengikut Liberal telah menentang dengan sekerasnya cubaan untuk membangkitkan semula jawatan Khalifah selepas kejatuhan Kerajaan Othmaniah. Seorang hakim terkemuka dan saudara ahli bangsawan dalam parti Liberal, Ali Abdel Raziq, menerbitkan sebuah buku yang menolak

dakwaan bahawa Islam mempunyai kuasa dalam soal pentadbiran negara, dan sikap serta fikiran yang sama juga terdapat pada ahli-ahli Liberal yang lain. Sewaktu parti Liberal berkuasa sebelum tahun 1942, seorang Menteri Pelajaran telah mengarahkan al-Banna dibuang dari Cairo untuk mengajar di kawasan Pendalam Mesir. Anehnya, menteri berkenaan Mohammad Hussein Haikal, sendiri ialah seorang penulis sejarah Islam yang terkenal.

- 9) Oleh yang demikian, Ikhwan al Muslimin mempunyai kecenderungan yang berbeza dari parti-parti politik Mesir yang lain, dan peluang-peluang kejayaan mereka terpaksa bergantung pada aktiviti-aktiviti mereka dikalangan rakyat jelata. Mereka menyeru diberi kemerdekaan sepenuhnya kepada semua negara Islam yang diduduki asing di akhir Perang Dunia Kedua, yang mana tuntutan rakyat Mesir dan perjuangan rakyat Palestine diberi keutamaan. Dalam banyak hal, mereka mencerminkan jiwa keislaman serta semangat kebangsaan yang kuat.
- 10) Pada tahun 1946, Ismail Sidqi dilantik sebagai Perdana Menteri dan menubuhkan sebuah Kabinet yang anti-Wafd. Beliau telah menemui Ikhwan al Muslimin sebagai sekutunya yang paling sesuai. Ikhwan tidak turut serta dengan Wafd mengutuk Sidqi,

tetapi kemudiannya menentang sikap tolak ansur beliau dalam perundingannya dengan pihak British, dan terus melanjutkan dasar mereka kearah mengerakkan rakyat. Pengganti Sidqi, Noqrashi, telah menghentikan rundingan dengan pihak British dan seterusnya mengemukakan perkara Mesir di Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu. Tindakan beliau menerima sokongan penuh dari Ikhwan yang memang telah lama menolak sebarang rundingan dengan pihak British.

- 11) Sementara itu, perjuangan Palestin telah mengengahkan semula Ikhwan al Muslimin ke arena politik.
- 12) Anehnya, Noqrashi pula yang telah membubarkan pergerakan Ikhwan al Muslimin pada tahun 1948. Sejurus selepas itu, beliau telah dibunuh oleh seorang ahli unit Perintah Khas Ikhwan. Kejadian ini berlaku walaupun al-Banna berjaya menjalin perhubungan rapat dengan ahli-ahli kabinet Noqrashi. Tetapi malangnya Noqrashi sendiri tidak pernah rapat dengan pergerakan Ikhwan.
- 13) Permusuhan yang berlaku diantara Ikhwan al Muslimin dengan parti-parti politik Mesir yang lain menambahkan lagi perasaan tidak percaya Ikhwan terhadap sistem berbilang-parti. Sementara parti-parti Wafd dan anti-Wafd

menguasai arena politik Mesir, dan mengenepikan hak lawan dalam amalan demokrasi dan perlembagaan Ikhwan al Muslimin seperti juga rakyat jelata tetap merasa asing terhadap apa yang dipanggil prinsip dan institusi demokrasi. Perasaan ini juga menjelaskan kepada kita kenapa Ikhwan al Muslimin tidak membantah apabila pihak tentera menggantung, dan seterusnya membasmi perlembagaan dalam bulan July tahun 1952.

- 14) Ikhwan al Muslimin juga turut menyertai pilihanraya sebagai ciri biasa dalam demokrasi, beberapa kali. Dalam tahun 1942, '44, '50, dan '84, pergerakan tersebut telah menempatkan beberapa orang calun untuk bertanding dalam pilihanraya kebangsaan, dan kesemuanya mengalami kekalahan teruk, kecuali dalam pilihanraya terakhir bilamana mereka telah memenangi beberapa buah kerusi sahaja. Pilihanraya di Mesir - terutama sekali di kawasan luar bandar dan di kalangan masyarakat yang buta huruf - bergantung sepenuhnya kepada pertalian keluarga dan kepentingan kebendaan, dan Ikhwan al Muslimin kekurangan sekali dalam kedua-keduanya. Selain dari itu, pengundi-pengundi Mesir sudah biasa sangat dengan penindasan dan tekanan kerajaan dan menerima hal demikian begitu saja

sebagai satu amalan biasa dalam proses pilihanraya. Sewaktu menghadapi kekalahan dalam pilihanraya di Ismailiya, tahun 1944, al-Banna telah memberitahu pengikut-pengikutnya bahawa pilihanraya tersebut mungkin merupakan kali yang terakhir bagi Ikhwan al Muslimin. Ini boleh ditafsirkan sebagai menyuarakan rasa hampa, tetapi ia juga menunjukkan kesedaran terhadap proses demokrasi yang selama ini sebeginu lama mengalami situasi yang pahit dan tidak menyenangkan.

- 15) Beberapa lama kemudian, al-Banna mulai menunjukkan sikap tolak-anjur terhadap proses politik, dan diantara tahun 1946 dan '48, perkembangan politik Ikhwan al Muslimin mulai berkembang luas di kalangan masyarakat. Tetapi pembubaran Ikhwan pada tahun 1948, dan sekatan yang dikenakan pada tahun 1954, memaksanya menumpukan perhatian kedalam, dan menggalak Ikhwan agar bersikap percaya pada kekuatan sendiri, oleh kerana rakyat tidak berupaya melawan sikap zalm kerajaan. Kekerasan harus dibalas dengan kekerasan.
- 16) Dalam hal demikian, ahli-ahli pergerakan sulit khas telah berjaya menguasai pergerakan Ikhwan al Muslimin itu. Nampaknya dengan cara demikian sajalah dapat mereka menghadapi musuh-musuh

yang ingin menghancurkan parti itu, dan Islam sendiri. Setelah Ikhwan al Muslimin diharamkan, memang menjadi lumrah ahli-ahlinya menganggap diri mereka sebagai satu pergerakan sulit, dan menganggap diri mereka sebagai satu pergerakan sulit, dan menganggap rampasan kuasa oleh tentera yang telah berlaku itu sebagai satu cara yang lebih pasti untuk berkuasa daripada proses demokrasi yang menyeleweng. Kejayaan rampasan kuasa tentera di Syria, Mesir, Sudan dan Libya menguatkan lagi kepercayaan ini.

- 17) Faktor-faktor lain juga mendorong akan berlakunya 'rampasan kuasa' dan memberi semangat kepada Pergerakan Sulit Khas. Trajadi Palestin dan hasrat yang menggunung kearah pembebasan tanah jajahan, menyemarakkan lagi semangat kepahlawanan pergerakan-pergerakan Islam yang lain. Jelas sekali tiada latihan tentera secara terbuka yang dapat dilakukan tanpa melanggar peraturan dan undang-undang, dan keadaan ini menggalak lagi penubuhan pergerakan Khas dengan mudah mempengaruhi Ikhwan al Muslimin. Pesaka zaman silam dan keadaan masakini berpihak kepadanya dan setengah-setengah revolusi berkemungkinan telah menambahkan lagi keinginan mewujudkan Islam secara paksa.

-
- 18) Dapatkah Ikhwan al Muslimin mengikis sejumlah besar faktor ideologi dan praktik yang mewarnakan sikapnya terhadap demokrasi? Dapatkah pergerakan ini menerima hakikat bahawa sistem berbilang-parti ini sangat mustahak dalam dasar demokrasi? Bolehkah Ikhwan al Muslimin mempercayai keujudan konsep politik yang berbeza itu sebagai suatu yang sah disisi undang-undang? Dapatkah pengakuan yang realistik tentang sifat-sifat manusia menggantikan idea khayalan bahawa sebuah pertubuhan dapat menjadi sesuatu yang hak dan boleh mewakili seluruh ummah? Ideologi yang disebar ditanam secara paksa tidak akan dapat bersefahaman dengan kuasa politik yang sering berlawanan dan perihal sesuatu fahaman yang dikira paling "benar" tidak boleh menjadi ganti bagi penyertaan dan kerjasama dengan pertubuhan-pertubuhan yang lain.
- 19) Pada pandangan saya, oleh kerana Ikhwan al Muslimin ditegah dari-pada menjalankan aktivitinya secara terbuka dan seterusnya gagal mengambil ahli-ahli baru, maka tidak dapat tidak Ikhwan al Muslimin akan terus dipengaruhi oleh suasana lampau. Dalam keadaan yang sedia ada, Ikhwan al Muslimin tidak akan dapat menjadi sebuah kuasa demokratik, malahan ujudnya terus-menerus adalah menjadi tanda-tanya.
- 20) Tak siapapun yang mengikuti jejak langkah Ikhwan al Muslimin dalam menyebarkan ajaran Islam dapat mengharapkan untuk menjadi lebih demokratik selagi aktiviti yang mereka jalani terpaksa dilakukan secara sulit. Bagaimana mungkin sebuah pergerakan Islam dapat menjadi sebuah kuasa demokratik tanpa suasana demokrasi. Bagaimana mungkin sesebuah pertubuhan itu boleh menikmati suasana demokrasi jika kuasa-kuasa besar Barat - yang sendirinya adalah penyokong demokrasi - tidak sabar untuk menghancurkan kemunculan mana-mana kuasa politik yang menyuarakan sokongan mereka terhadap Islam? Kuasa Barat yang sama juga adalah peninggalan dari zaman pembaharuan dan pengetahuan Eropah yang menganggap ugama Islam seteru ugamanya sendiri - sebagai sesuatu yang sulit dan persendirian, dan jika perlu, menghancurkan semua apa yang dianggap sebagai 'candu rakyat'.
- 21) Perasaan keugamaan yang kuat dan mendalam tidak dapat dibasmi. Oleh kerana tiada peluang diberikan kepada pergerakan Islam untuk mengembangkan amalan-amalan demokrasi, dan juga oleh kerana Islam tidak akan mengikut cara-cara barat yang berfahaman

sekular, memang terlalu sukar bagi pergerakan-pergerakan Islam mengelak diri daripada dipaksa memasuki saluran-saluran anti-demokrasi. Negara-negara Barat - dengan pertolongan golongan penindas tempatan - telah memaksa generasi muda pergerakan Islam mengenepikan demokrasi untuk membolehkan

Islam - agama yang tidak mungkin dan tidak akan mereka tinggalkan - untuk terus hidup.

- 22) Inilah satu dilema - dihadapi oleh kedua-kedua penyokong-penyokong demokrasi sejagat dan pengaruh-penganut 'tulen' Islam.

ARABIA

The Islamic World Review

HASAN AL BANNA dalam salah satu perutusannya: "ISLAM mewajibkan kepada setiap ummatnya, supaya bekerja dan berkorban untuk kebaikan dan kemaslahatan negerinya. Ia hendaklah memberi sumbangan sebesar mungkin untuk kepentingan ummatnya; dengan demikian ikatan persaudaraan akan semakin erat dan kuat.

Setiap Muslim diwajibkan menyempurnakan segi-segi kelemahan dan kekurangan daripada masyarakatnya dan berbakti kepada negaranya.

Ummat Islam hendaklah menjadi contoh sebagai satu ummat yang terbaik"
(Dr. Yusuf Qardhawi)

فَلَا تُطِعُ الْكَافِرِينَ وَجَاهِدُهُمْ بِهِ جِهَادًا كَبِيرًا
(الفرقان : 52)

"Maka janganlah engkau mengikuti orang-orang kafir, dan berjihadlah menghadapi mereka dengan Al-Quran, dengan jihad yang besar (Al-Furqan: 52)

Tetapi apa yang sebaliknya berlaku hari ini, kebanyakannya setengah manusia yang telah berumur atau tua nyanyok langsung tidak cuba untuk meningkatkan ibadah sebagai bekal untuk akhirat. Ada setengahnya masih merasai bahawa dirinya muda, walhal anak cucu sudah berpuluhan-puluhan.



Oleh: Muhammad Hatim
(Dipetik dari Majalah Dakwah)

SIKAP WAJAR MENGHADAPI USIA TUA

Bertambahnya usia dan menjadi tua merupakan suatu proses alamiah yang wajar dan tidak boleh dihindari oleh siapa pun. Kerana itu, sudah seharusnya orang menerima


proses menjadi tua akan ketuaan ini dengan sikap yang wajar pula. Tetapi agak tidak semua orang dapat bersikap sedemikian. Banyak orang yang memandang ketuaan

dengan kacamata yang suram atau pesimistik yang pada gilirannya menyebabkan orang-orang yang bersangkutan selalu diliputi rasa takut, cemas dan was-was dalam menghadapi kedatangan hari tuannya.

Kenapa manusia takut menghadapi zaman ketuaan? Apakah ianya satu penderitaan? Jelas sebelum memasuki era ini, di masa muda mereka dapat menikmati kehidupan yang dijalani secara yang maksima. Sebaliknya pada masa tua mereka tidak mampu lagi

untuk mengurus dirinya mahupun diri orang lain. Dengan mengingati keadaan di masa tua seperti ini maka bukan saja berkecenderungan lebih menghargai masa muda bahkan saat ketuaan yang mendatang itu tidak ingin dirasainya.

Kalau di masa muda kita dipandang sexy, kulit putih melepak, pipi pahud dilayang, rambut hitam lebat, tetapi bila memasuki era ketuaan, ia tidak semacam itu lagi. Kulit yang halus akan menjadi keriput, rambut yang hitam menjadi jarang dan



Sembahyanglah kamu sebelum kamu disembahyangkan

beruban dan tubuh yang selama ini dipandang sexy akan berubah ke arah bentuk yang tidak ideal. Pendek kata, bagi banyak orang, menjadi tua bererti menjadi tidak menarik. Ini akan menjadi sumber dari ketakutan terutama bagi orang-orang yang dalam hidupnya mementingkan 'Physical appearance' seperti bintang filem, penyanyi, model, penari dan lain-lain.

Justeru itu mereka akan berusaha dengan berbagai cara untuk awet muda, supaya tetap cantik dan tampan. Lebih dari itu, di dalam diri mereka biasanya terdapat kecenderungan untuk menolak kedatangan masa tua dan ketuaan. Tetapi bagaimanapun, seperti dikatakan oleh Heraklitos, filsuf Yunani abad ke 5 sebelum Masehi, kehidupan ini "panta rhei", mengalir bagaikan air sungai, di mana tidak akan ada seorang pun yang dapat berenang terus-menerus dalam air yang sama.

Bagaimana jika dipandang dari sudut Islam?

Ajaran Islam telah menghuraikan masalah perkembangan manusia itu secara jelas dan cukup detail. Firman Allah di dalam surah Al-Hajj ayat 5, yang bermaksud:

"Wahai umat manusia, sekiranya kamu menaruh syak (ragu-ragu tentang kebangkitan makhluk (hidup semula pada hari kiamat), maka (perhatikanlah tingkatan kejadian manusia) kerana sebenarnya Kami

telah menciptakan kamu dari tanah, kemudian dari setitik air benih, kemudian dari seketul daging yang disempurnakan kejadiannya yang tidak disempurnakan: (Kami jadikan secara yang demikian) kerana Kami hendak menerangkan kepada kamu (kekuasan Kami); dan Kami pula menentapkan dalam kandungan rahim (ibu yang mengandung itu) apa yang kami rancangkan hingga suatu masa yang ditentukan lahirnya: kemudian Kami mengeluarkan kamu berupa kanak-kanak kemudian (kamu pelihara) hingga sampai ke peringkat umur dewasa; dan (dalam pada itu) ada di antara kamu yang dimatikan (semasa kecil atau semasa dewasa) dan ada pula yang dilanjutkan umurnya ke peringkat tua nyanyuk, sehingga ia tidak mengetahui lagi akan sesuatu yang telah diketahuinya dahulu. Dan (ingatlah satu bukti lagi) Engkau lihat bumi itu kering, kemudian apabila Kami turunkan hujan menimpanya, hiduplah bumi itu, subur dan menubuhkan berjenis-jenis tanaman yang indah permai."

Firman Allah ini merupakan penjelasan, juga sebagai peringatan bahawa kejadian, perkembangan dan kehidupan manusia itu adalah ketetapan Allah, sedang manusia hanya menjalaninya. Mengenai ketuaan, sebagaimana yang dijelaskan oleh Allah dalam firmannya itu, Allah memaksudkannya sebagai tanda bagi manusia, bahawa Dia

Maha Mengetahui, sekaligus merupakan peringatan bahawa Dia Maha Kuasa untuk membangkitkan manusia di hari kiamat nanti sebagaimana Dia Berkusa Menetapkan manusia menjadi tua.

Dengan perkataan lain, bagi manusia ketuaan itu merupakan salah satu tanda dan peringatan dari Allah agar manusia memiliki dan memelihara keimanan kepadaNya.

Tetapi apa yang sebaliknya berlaku hari ini, kebanyakannya setengah manusia yang telah berumur atau tua nyanyok langsung tidak cuba untuk meningkatkan ibadah sebagai bekal untuk akhirat. Ada setengahnya masih merasai bahawa dirinya muda, walaupun anak cucu sudah berpuluhan-puluhan.

Kita juga patut sedar bahawa usia remaja tidak seharusnya dihabiskan untuk mencapai segala keinginan syahwat. Tidak ada gunanya apabila menjelang tua, barulah nak ke surau, bertaubat untuk melepaskan hutang ibadat yang telah ditinggalkan. Mereka tidak mengetahui, ketika umur sudah tua, kemalasan telah mula mempengaruhi jiwa dan mereka tidak bernafsu lagi untuk beribadah kepada Allah kerana ketuaan ini.

Kita ahli hikmah:
"Sesiapa menempuh masa mudanya dalam sesuatu keadaan maka dia menempuh masa tuanya dalam keadaan itu juga."

Maknanya kalau kehidupan di masa remaja dihabiskan dengan

melakukan perkara-perkara 'yang tidak mendatangkan apa-apa kebaikan, maka besar kemungkinan apabila memasuki era ketuaan perkara yang seperti itu juga yang akan berlaku.

Walau bagaimanapun pada hakikatnya kita tidak dapat mengenepikan bahawa apabila memasuki kehidupan masa tua banyak orang tertarik kepada kehidupan rohaniah. Menurut pandangan Islam, hal ini bukan saja merupakan suatu hal yang lumrah melainkan sudah merupakan suatu keharusan. Kerana di waktu itu ianya telah lemah dan menjadi lebih dekat pada akhir hayat.

Dalam keadaan begini manusia seharusnya meningkatkan kehidupan rohani (agama) dan keakhiratannya dengan jalan bersabar dan memperbanyak amal. Dengan demikian, manusia (muslim), Insya Allah akan dapat menjalankan kehidupan masa tuanya di dunia yang fana ini dengan damai dan sejahtera lahir batin, serta di akhirat kelak kekal, dan menerima balasan yang tak terhingga dari Allah, sebagaimana ditegaskan melalui firman-Nya yang bermaksud:

"Apa yang disismu akan lenyap, dan yang ada di sisi Allah akan kekal. Dan sesunaauhnya Kami akan memberikan balasan kepada orang-orang yang sabar dengan pahala yang lebih baik dari apa yang telah mereka kerjakan"

(An Nahl ayat 96)



PENGERTIAN IBADAH

Perkataan ibadat berasal dari Bahasa Arab **عِبَادَةٌ**, **عَبُودَةٌ**, **عَبُودَةٌ**, **عَبُودَةٌ**.

pengeritannya dalam buku bahasa seperti patuh, taat, setia, tunduk, menyembah, menghina dan memperhambakan diri kepada yang lain.

Dikatakan juga ibadat itu kemuncak bagi segala jenis tunduk samada tunduk yang berupa taat

Ruang Muslimah

**KONSEP
IBADAT
DALAM
ISLAM**

Disusun oleh: Ustazah Rohani Awi

atau tidak berupa taat. Tetapi taat kepada Allah secara tunduk dan menghinakan diri adalah ibadat dan ibadat yang sebenarnya ialah sejenis tunduk yang tidak layak menerima melainkan Allah.

PENDAPAT SYEIKH IBNU TAMIAH

Beliau berpendapat disamping pengertian asal ibadat, iaitu kemuncak ketaatan dan ketundukan, bahawa ibadat juga membawa erti yang amat penting bukan saja dalam Agama Islam tetapi dalam semua agama iaitu unsur kasih dan cinta, yang mana tanpa unsur ini tujuan ibadat tidak akan berhasil, yang menjadi objektif manusia dijadikan

di muka bumi, para Rasul diutuskan dan kitab-kitab Samawi Illahi diturunkan.

Seterusnya beliau menegaskan lagi bahawa ibadat asal maknanya kehinaan, tetapi ibadat yang diperintah Allah ke atas manusia merangkumi makna kehinaan dan kecintaan bersama, iaitu kemuncak kehinaan diri seorang terhadap Allah dan kemuncak kecintaan kepadanya.

Ibnu Taimiah pernah ditanya maksud ayat 21 surah Al-Baqarah:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ اعْبُدُوا
رَبَّكُمْ

"Wahai sekalian manusia beribadatlah kepada Tuhan kamu," Apakah ibadat itu? Dan apakah cabang-cabangnya? Adakah semua ajaran agama termasuk pengertian ibadat atau tidak? Beliau menjawab dengan satu kuperasan yang panjang terkandung dalam risalah "Ubudiah". Ringkasan beliau menerangkan "Ibadah ialah nama yang menggabungkan setiap perkara yang disukai dan direhái Allah, samada dari jenis perkataan atau perbuatan, batin atau lahir seperti sembahyang, berakhlak baik dan sebagainya."

SYARAT SETIAP AMALAN HIDUP MENJADI IBADAT

Yang lebih mengagumkan lagi ialah Allah s.w.t. menjadikan setiap

amalan dunia yang dilakukan seseorang itu sebagai ibadat, samada faedahnya kembali kepada dirinya sendiri ataupun sebaliknya, dengan syarat seperti yang dibawah ini:-

1. Amalan yang dikerjakan diakui Islam, sesuai dengan Hukum Syarak dan tidak bercanggah dengan hukum tersebut.
2. Amalan-amalan itu dikerjakan dengan niat baik, pula sebagai seorang Muslim, bagi memelihara kehormatan dirinya dan bagi menyenangkan keluarganya, bagi manfaat umatnya dan bagi memakmurkan bumi ini sebagaimana yang dianjurkan oleh Allah.
3. Amalan-amalan itu hendaklah dibuat dengan seelok-eloknya bagi mendapat kehendak hadis Nabi;

"إِنَّ اللَّهَ كَفِيلٌ
الْأَحْسَانَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ"
رواہ مسلم

"Sebagaimana yang diriwayatkan oleh Muslim yang bererti, "Sesungguhnya Allah mewajib kebaikan pada tiap-tiap sesuatu"

Dalam hadis yang lain pula Rasulullah s.a.w. bersabda:

"إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ مَا يَعْمَلُ"

أَنْ يَقْتَلُهُمْ أَنْ يَعْلَمُوا / / / /
أَنْ يَعْلَمُوا أَنْ يَعْلَمُوا / / / /
رواه البيهقي

Yang bererti: "Bahawa Allah, suka apabila seseorang itu membuat sesuatu kerja, supaya dihadapinya dengan tekun dan bersungguh-sungguh."

"يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَأْهِمُوهُمْ
أَمْوَالَكُمْ وَلَا أُولَادَكُمْ عَنْ ذَكْرِ
اللَّهِ وَمَنْ يَفْعُلُ ذَلِكَ فَإِنَّهُ شَرٌّ
لِّلَّهِ الْخَاسِرُونَ •
(المنافقون: ٩)

"Wahai orang-orang yang beriman, janganlah hendaknya harta-harta kamu dan anak pinak kamu itu melalaikan kamu dari mengingati Allah. Barang siapa berbuat demikian (dilalaikan oleh harta dan anak-anaknya dari mengingat Allah) maka mereka lah sebenarnya orang-orang yang rugi." (Al-Munasfiqun: 9)

4. Ketika membuat kerja-kerja hendaklah sentiasa menurut hukum syariat dan batasnya, tidak menzalimi orang, tidak khianat dan lain lagi.
5. Dan syarat yang kelima dalam mengerjakan amalan-amalan dunia itu, supaya tidak lalai dan

tidak cuai dari menjalankan kewajiban ibadat yang khusus seperti sembahyang dan lain-lain.

Apabila sahaja seorang Mukmin dapat menyempurnakan kelima-lima syarat diatas dalam mengendalikan segala pekerjaan dan urusan hidupnya setiap hari, dia adalah dikira sentiasa beribadat kepada Allah walaupun ia tidak duduk di Masjid-masjid atau di Surau-surau ketika membuat kerja-kerja itu.

BIDANG-BIDANG IBADAT

Al-Iman Ibnu Taimiah dalam karangannya "Al-Uhudiah" menegaskan bahawa ibadat mempunyai lapangan dan bidang yang sangat luas. Ianya meliputi:-

1. Perintah-perintah Allah yang fardu seperti sembahyang, puasa, zakat, Haji dan juga amalan-amalan yang sangat-sangat dituntut seperti zikir, doa istighfar, bertaubat dan sebagainya.
2. Kewajiban terhadap sesama makhluk (muamalah) seperti menghormati kedua ibu-bapa, menghubung silaturrahim dan lain-lain.
3. Akhlak yang baik dan budi pekerti yang mulia seperti ber-cakap benar, menyempurnakan janji dan lain-lain.

Akhlik Rabbaniah seperti

kasihkan Allah dan Rasul, ikhlas, sabar menerima hukum Allah dan sebagainya

Dari keterangan tadi dapatlah disimpulkan bahawa:-

1. Ibadat itu merangkumi dan mencukupi segala bidang kehidupan, bermula dari adab makan minum dan qadha hayat, sehingga kepada pentadbiran negara, politik, kewangan dan lain-lain lagi.
2. Ibadat itu ialah menerima dan melaksanakan segala Syariat Allah, sebab bila seseorang itu mengaku beriman kepada Allah maka ertinya ia hendaklah menyerah seluruh cara hidupnya kepada Allah dan Rasulnya. Dan hendaklah sentiasa taat kepada perintah Allah dan menjauhi semua larangannya. Dan hendaklah sentiasa tunduk kepada syariah Allah, bukan kepada hawa nafsunya. Jadi tidak dikatakan seseorang itu abid (hamba yang taat) yang sebenarnya, kalau hanya setakat sembahyang dan puasa, sedangkan ia masih melakukan larangan Allah ataupun melakukan mana-mana perkara yang sesuai dengan hawa nafsunya dan meninggalkan mana-mana perkara yang tidak sesuai dengannya. Tidak juga dikatakan seseorang itu abid yang sebenarnya, kalau sekadar men-

jadi hamba Allah dalam pagar-pagar Masjid sahaja, sedangkan di tempat-tempat lain, (luar dari Masjid) ianya menjadi hamba kepada dirinya dan nafsunya bukan hamba kepada Allah.

Kerja-kerja yang bercorak kemasyarakatan yang mendatangkan faedah adalah juga termasuk dalam erti kata ibadat asalkan ianya dilakukan dengan niat ikhlas kepada Allah semata-mata.

MENZIARAHİ ORANG SAKIT

Rasulullah s.a.w. pernah menceritakan satu dialog antara Allah s.w.t dan hamba pada hari Kiamat, iaitu: Allah berkata pada hari Kiamat, "Wahai anak Adam, aku sakit, tapi kamu tidak menziarahi aku", lalu jawab orang itu, "bagaimana menziarahi kamu sedangkan kamu Tuhan sekelian alam?" Lalu jawab Tuhan sekelian alam: "Tidakkah kamu tahu bahawa hambaKu si Pulan jatuh sakit, sedang kamu tidak menziarahinya? Apakah kamu tidak tahu, kamu menziarahinya pada masa itu, tentu akan mendapati aku berada di sisinya dan akan membalaus menziarahi kepada kamu."

BERSEDEKAH

"Wahai manusia, aku pernah meminta makan dari kamu tetapi kamu tidak memberi aku makan,

jawab orang itu, bagaimana hendak aku memberi makan kepada mu sedangkan kamu Tuhan sekelian alam. Lalu jawab Tuhan; HambaKu si Pulan pernah meminta makan daripada kamu, tetapi kamu tidak memberi mereka makan pada masa itu. Tahukah kamu, kalau kamu beri makan kepadanya, tentulah akan kamu dapat Aku ada disisinya dan akan membala perbuatan itu."

"Wahai manusia, Aku pernah meminta minum daripada kamu tetapi kamu tidak memberi kepada Ku minum, jawab orang itu. Bagaimana aku hendak memberi minim kepada Kamu sedangkan Kamu Tuhan sekelian alam. Lalu berkata Tuhan, hambaKu si Pulan pernah meminta minum dari kamu tetapi kamu tidak memberinya minum, apakah kamu tidak tahu kalau kamu memberinya minum di kala itu tentu kamu akan dapat pahalanya disisi Ku."

Sabda Rasulullah, "Siapa sahaja di antara orang Islam yang menanam dengan tangannya tiba-tiba dimakan oleh burung atau manusia atau binatang-binatang, maka ia akan diberi pahala sedekah."

Sabdanya lagi, "Peniaga yang jujur dan beriman akan dikumpul di hari kiamat nanti bersama-sama Nabi, Siddikin dan Syuhada."

Yang lebih mengagumkan lagi ialah perhubungan suami isteripun (bersetubuh) dianggap ibadat juga,

sabda Rasulullah s.a.w.; "Pada kemaluan (alat kelamin) seseorang kamu itu ada sedekah." Maka bertanyalah sahabat-sahabat, adakah apabila seseorang kamu memuaskan nafsu syahwatnyapun diberi pahala? Jawab Rasulullah s.a.w. bukankah kalau disalah gunakan, berdosa? (berzina). Sedang mengerjakan yang halal akan diberi pahala.

PENUTUP

Seorang Muslim boleh melakukan ibadat melalui seluruh anggota badannya seperti fikiran, penglihatan dan juga melalui pengorbanan wang ringgit dan jiwa.

Di zaman permulaan kebangkitan Islam kefahaman tentang konsep peribadatan ini betul-betul jelas dan luas. Seluruh aktiviti kehidupan manusia adalah ibadat, asalkan saja kegiatan itu sesuai dan disuruh menurut kehendak Islam.

Ini selaras dengan maksudnya ayat 56 dari surah Azariat:

"Dan Aku tidak jadikan jin dan manusia, melainkan supaya mereka beribadat kepadaKu." Maka matlamat kejadian manusia yang penting tidak akan tercapai jika ibadat itu dibatas kepada skop yang sempit, hanya meliputi ibadat yang bercorakkan syiar Islam semata, seperti sembahyang, puasa dan sebagainya. Yang mana ibadat-ibadat ini hanyalah mengambil ruangan yang sedikit dari masa

kehidupan sehari-harian manusia, sementara masa baki yang panjang dihabiskan di dalam menjalani urusan hidup yang tidak di kira ibadat dan tidak diberi nilai-nilai ibadat. Pengertian ibadat secara meluas dan menyeluruh di dalam Islam ini banyak membuat pengaruh yang positif dan kesan-kesan yang baik lagi mendalam di dalam kehidupan insan Muslim.

JENIS-JENIS IBADAT KHUSUS YANG FARDHU

Allah s.w.t. telah menentukan jenis-jenis Ibadat dengan mewajibkan beberapa perkara. Ibadat itu mengandungi Ibadat jasmaniah dan rohaniah sebagai sokongan kepada Iman, jalan kepada pengawasan Allah dan pengakuan kepada kesyukuran hamba terhadap nikmat-nikmat Allah yang banyak itu.

- (a) Sembahyang difardhukan lima kali dalam masa sehari semalam di mana seorang hamba menumpukan sepenuh perhatian kepada Allah Taala untuk memohon limpah rahmat dan melahirkan kebesaran Allah disamping mencari ketenteraman jiwa dari pengaruh hidup kebendaan dalam dunia ini.
- (b) Puasa difardhukan selama sebulan dalam masa setahun iaitu pada Ramadhan untuk

mensyukuri Allah terhadap penurunan Al-Quran Al-Karim dan melatihkan diri supaya bersabar di dalam menghadapi cabaran hidup.

- (c) Zakat difardhukan, iaitu mengeluarkan sebahagian daripada hasil pendapatan tertentu untuk diberi kepada jalan-jalan Allah dan maslehat umum, sebagai mesyukuri terhadap nikmat kurniaan harta benda di samping menuaikan kewajipan masyarakat.
- (d) Haji difardhukan ke atas orang yang kuasa untuk melahirkan Syiar keimanan iaitu berlindung kepada Allah bersama ratusan ribu kaum Muslimin dari segenap pelusuk dunia dengan meninggalkan keluarga, negeri dan kesenangan, semata-mata mencari keridhaan Allah, dan untuk menyatu padukan umat Islam yang bertaburan di dunia serta untuk mengingati Nabi-Nabi yang diutuskan Allah bagi menyelematkan hambanya dari kesesatan.

Disamping ini peribadatan yang asasi yang dilakukan oleh setiap individu Islam secara langsung terhadap Allah s.w.t. sebagai Khaliknya, yang menciptanya, seperti syahabat, salat, puasa, haji dan seterusnya, selain dari bertujuan semata-mata karena perintah

Allah Al-Khalik, diharap ianya boleh melatih dan menghidupkan jiwa Islam, iaitu untuk sanggup dan rela menerima konsep ibadat yang lebih luas, ertiinya sanggup mempersoalkan segala urusan disegenap aspek kehidupannya, seperti: kemasyarakatan, pendidikan, ekonomi, politik, perundangan, kehakiman dan lain-lain dengan cara yang sesuai dan tidak bercanggah dengan nilai Islam.

Seorang Muslim yang jujur akan sentiasa merasa berkewajipan

mengerakkan suatu sistem hidup, menjadikan segala aspek hidupnya sebagai ibadat semata-mata, kerana ianya berlandaskan prinsip-prinsip Agama Islam, dan pada masa itu masyarakat Islam akan menolak secara total semua sistem-sistem hidup yang tidak sesuai dengan nilai-nilai Islam.

Hidup Muslim adalah beribadat kepada Allah, matlamatnya keredhaan Allah dan panduannya wahyu Allah (Al-Quran).

Wabillahi Taufik Wal Hidayah.

SAJAK

Perukunan

masakan kosong hidup ini
atas landasan sesuatu ciptaan Tuhan
gelappun malam, esok ada fajar
dan sinaran suria indah

senyumlah di kala pagi bersama suria
dengan dada terbuka
pasti hari ini berhasil

jangan bicara hujan petang
atau taufan malam
bicaralah kisah anak padi baru bunting
anak jagung kian meninggi -
masakan Tuhan tidak mengerti

dewasalah dikau
dalam langkah tegak
pandangan saujana
gagah perkasa
dikaulah harapan.

DAPATKAN HUSNUL KHAITMAH!

Oleh: ALFATH
MARKAZ BINA CAWANGAN KUCHING

Dalam suasana penuh kebodohan, kesesatan dan kezaliman, Allah mengutuskan Nabi Muhammad s.a.w. yang berpandukan kepada Al-Qur'an dan As-Sunnah. Maka mulailah Rasulullah s.a.w. melakukan perubahan demi perubahan mengikuti arahan-arahan yang diturunkan oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala. Maka mulai saat itu pulalah timbul tantangan-tantangan terhadap da'wah Islam dari pihak tokoh-tokoh jahiliyah yang merasa adat-istiadat mereka terancam kepunahan dengan datangnya Islam yang mengajarkan kehidupan yang hanya berpandukan kepada Al-Qur'an dan As-Sunnah.

Islam bagi mereka adalah suatu yang asing yang sebelumnya tidak mereka ketahui disebabkan kejahiliyah, kesesatan dan kekufuruan yang selama ini melingkungi kehidupan mereka.

Dengan usaha gigih Rasulullah



Al-Quran Kitab yang diutuskan oleh tuhan kepada ummat nya.

s.a.w. dan para sahabat dan dengan petunjuk dari Allah, Islam berhasil

menawan hati masyarakat, menyatu dengan jiwa mereka, dan dengan itu lahirlah kehidupan baru, kehidupan yang Islami yang memiliki kemerdekaan, kemuliaan dan ketinggian yang hanya tunduk kepada Tuhan Yang Menciptanya dan yang Menjadikan semua yang ada di alam ini, dan tidak lagi tunduk, berharap, takut dan bertawakkal kepada makhluk-makhluk hidup atau benda-benda mati yang tak punya kuasa untuk mendatangkan manfaat ataupun menolak



kemudharatan untuk dirinya apakah lagi untuk orang lain.

Hari berganti hari, begitu pula minggu, bulan dan tahun dan zaman

pun berubah. Islam tersebar ke merata dunia, banyak orang yang masuk Islam; ada yang dengan kefahaman dan memulai hidup baru secara Islam dengan berpandukan kepada Al-Qur'an dan As-Sunnah, dan tidak sedikit pula yang tidak faham sehingga masih lagi mengamalkan cara hidup yang biasa dilakukan semasa dia dalam kekufuran. Dan bahayanya, hal ini merupakan warisan turun-temurun yang dipegang kuat oleh anak cucu, hingga hari ini yang menyebabkan Islam yang sebenarnya kembali asing dalam kehidupan mereka yang mengaku muslim. Dan muslim yang berpandukan kepada Al-Qur'an dan Hadis, asing di dalam masyarakat, tidak di akui, bahkan dianggap aneh dan melampaui Islam yang mereka fahamkan secara turun temurun itu. Yang sebenarnya yang asing itulah yang akan mendapat keberuntungan di sisi Allah, merekalah yang akan mendapat syurga Allah sebagaimana orang-orang asing pada awal kedatangan Islam. Ini telah dijelaskan oleh Rasulullah s.a.w.

dalam sabdanya: "BADAALISLAMU GHARIIBAN WA SAYA'UUDU GHARIIBAN, FATHUUBA LIL-GHURAABAA', QIILA YAA RASUULUL-LLAH WAMAA AL-GHURAABAA'?, QAALA: "ALLAD-ZIINA YUSHLIHUUNA 'INDA FASAADIN-NNAS". (HR. AT-TABRAANI DAN ABU NASHAR).

"Mulanya Islam itu asing dan

akan kembali asing. Maka beruntunglah orang-orang asing itu. Baginda ditanya, 'Ya Rasulullah! Siapakah orang-orang asing itu? Beliau menjawab: "Orang-orang yang berusaha melakukan kebaikan ketika rusaknya manusia."

Itulah orang asing, orang baik yang mengamalkan Qur'an dan sunnah pada masa telah rusaknya kebanyakan manusia. Begitulah pada saat ini, banyak kerusakan terjadi, dan apabila datang peringatan kepada mereka supaya kembali ke jalan Allah, jalan yang diterangkan dalam Qur'an dan Sunnah, maka segera mereka menentangnya dan mempertahankan apa yang selama ini mereka lakukan berdasarkan taqlid buta terhadap tradisi, adat usang yang telah lapuk yang mereka warisi dari nenek moyang. Orang semacam ini banyak diceritakan oleh Allah dalam firman-Nya yang diantaranya bermaksud: "Ibrahim berkata: "Apakah yang kamu sembah?" Mereka menjawab: "Kami menyembah patung-patung berhala dan kami senantiasa tekun menyembahnya." Bertanya Ibrahim: "Apakah patung-patung itu mendengar doamu sewaktu kamu berdoa kepadanya? Ataukah itu semua dapat memberi manfaat kepadamu atau mendatangkan mudharat kepadamu?" Mereka menjawab: "Sebenarnya kami mendapat nenek moyang kami berbuat demikian." (As-Syu'araa: 70 - 74).

Dalam surah Luqman ayat 20 - 21 Allah berfirman yang bermaksud: "Dan diantara manusia ada yang membantah tentang (keesaan) Allah tanpa ilmu pengetahuan atau petunjuk dan tanpa kitab yang memberi penerangan. Dan apabila dikatakan kepada mereka: "Ikutilah apa yang diturunkan Allah", mereka menjawab: "(Tidak), kami hanya mengikuti apa yang kami dapatti bapak-bapak kami mengerjakannya" Dan apakah mereka (akan mengikuti bapak-bapak mereka) walaupun syaitan itu menyeru mereka kedalam siksa api yang menyala-nyala?"

Dalam surah Al-Baqarah: 170 Allah berfirman yang bermaksud: "Dan apabila dikatakan kepada mereka: "Ikutilah apa yang diturunkan Allah", mereka menjawab: "(Tidak) kami hanya mengikuti apa yang telah kami dapatti dari (perbuatan) nenek moyang kami." (apakah mereka akan mengikuti juga) walaupun nenek moyang mereka itu tidak mengetahui sesuatu apapun dan tidak mendapat petunjuk".

Kalau mereka lakukan itu semua, sungguh kerugianlah yang akan mereka terima sebagaimana yang Allah beritakan dalam surah As-Shafaat yang bermaksud: "Sesungguhnya Kami menjadikan pohon zaqqum itu sebagai siksaan bagi orang-orang yang zalim. Sesungguhnya dia adalah sebatang

pohon yang keluar dari dasar neraka yang menyala, mayangnya seperti kepala syaitan-syaitan. Maka sesungguhnya mereka benar-benar memakan sebahagian dari buah pohon itu, maka mereka memenuhi perutnya dengan buah zaqqum itu. Kemudian sesudah makan buah pohon zaqqum itu, pasti mereka mendapat minuman yang bercampur dengan air yang sangat panas. Kemudian sesungguhnya tempat kembali mereka benar-benar ke neraka Jahim. Kerana sesungguhnya mereka mendapati bapak-bapak mereka dalam keadaan sesat. Lalu mereka sangat tergesa-gesa mengikuti jejak orang-orang tua itu." (ayat 63 - 70)

Maka sebelum terlambat segeralah kembali kejalan Allah dan tinggalkan segala tradisi adat istiadat nenek moyang yang merupakan pemujaan kepada makhluq-makhluq dan benda-benda mati, dan mulailah dengan hidup baru, hidup yang penuh dengan ketenteraman, kedamaian, kebahagiaan dan kemerdekaan dari belenggu-belenggu yang mengikat, dengan hanya berpegang teguh kepada cara hidup Islam yang diajarkan oleh Rasulullah s.a.w. Itulah keimaninan yang telah mengeluarkan kita dari kegelapan jahiliyah: Kristian, Hindu, Buddha, Animisme, Dinamisma dan lain-lain hingga kepada Atheisme, kepada cahaya Islam. Allah berfirman yang ber-

maksud: "Maka demi Tuhanmu, mereka (pada hakikatnya) tidaklah beriman hingga mereka menjadikan kamu (Muhammad s.a.w.) hakim terhadap perkara yang mereka perselisihkan (dalam segala perkara), kemudian mereka tidak merasa dalam hati mereka sesuatu keberatan terhadap putusan yang kamu berikan, dan mereka menerima dengan sepenuhnya (tidak ragu)." (Surah An-Nisa: 65)

Hanya dengan keimaninan itu sajalah kita dapat menghindarkan atau menyelematkan diri kita daripada kerugian yang berpanjangan sebagaimana firman Allah yang bermaksud: "Demi masa sesungguhnya manusia itu benar-benar berada dalam kerugian, kecuali orang-orang yang beriman dan mengerjakan amal saleh dan nasihat menasihati supaya mentaati kebenaran dan nasihat menasihati supaya menetapi kesabaran." (Surah Al-Ashr: 1-3)

Kalau selama ini semboyan hidup kita "BIAR MATI ANAK DARIPADA MATI ADAI (yang bertentangan dengan ajaran Allah), maka setelah IMAN dan HIDAYAH ALLAH kita peroleh, hendaklah diubah menjadi "BIAR MATI DIRI ASAL DAPAT RIDHA ILAHI". Mudah-mudahan dengan itu kita dapat husnul khaatimah yang kita cita-citakan dan mendapat penghargaan Allah di akhirat nanti sebagaimana yang difirmankan Allah

yang bermaksud: "Hai jiwa yang tenang. Kembalilah kepada Tuhanmu dengan hati yang ridha dan diridhai-Nya. Maka masuklah ke dalam jama'ah hamba-hambaKu, dan masuklah ke dalam syurgaKu." (Surah Al Fajr: 27 - 30)

Walau bagaimanapun terpulang kepada diri kita masing-masing untuk memilih mana yang baik dan mana yang tidak baik, mana jalan ke syurga dan mana jalan ke neraka. Apa yang kita lakukan, maka itulah bahagian yang akan kita peroleh dari Allah. Dia berfirman: "Hai manusia, sesungguhnya kamu telah bekerja bersungguh-sungguh menuju Tuhanmu, maka pasti kamu akan

menemui-Nya (untuk menerima balasan dari usahamu yang baik maupun yang buruk)". (Al-Insyiqaaq: 6)

Dari Jabir r.a. Rasulullah s.a.w. bersabda bahwa Jibril berkata: "Hai Muhammad hiduplah sesukamu (tapi ingat), sesungguhnya kamu akan jadi mayat, cintailah apa yang kau suka, (tapi ingat) sesungguhnya engkau akan berpisah dengannya. Dan lakukanlah apa yang kau suka (tapi ingat), sesungguhnya engkau akan berjumpa dengannya [amalanmu yang baik maupun yang buruk (Mukhtashar Ibnu Katsir jld. 3.)].

RALAT

Kami minta maaf kerana terdapat sedikit kesilapan dalam AL-HUDA KELUARAN NO. 17 yang lalu.

Muka Surat	Salah	Betul
Kolom 2 muka 38	14 dari atas — orang tua	— bayi
2 (Kandungan)	Tercampar 22	Tercemar 22
22 33	TERCAMAR BERNARKAH WANITA	TERCEMAR BENARKAH WANITA
Kulit belakang	kewangan bagi membayari	kewangan bagi membiayai

Catatan Perjalanan

GELAGAT LELAKI MEMILIH ISTERI

Yang lelaki pilih isteri yang baik-baik. Tetapi dia sendiri kadangkala lebih teruk dari segalanya.

Hidup mudanya bergelumang dengan kejahanan, dan temanwanita bersilih ganti sebagaimana menggantikan pakaian.

Oleh: MAHENOR SALEHA (Dipetik dari Majalah Dakwah,)

Al kisah bermula dengan satu cerita yang lazim kita dengar, bila seorang lelaki hendak memilih calon isterinya, dia akan membuat garis panduan yang begitu dan begini. Secara umumnya, seorang lelaki memilih bakal isterinya seorang yang baik, tidak begitu sosial dan mempunyai latar kehidupan yang baik.

Yalah, kita pun tidak menafikan yang syarat pemilihan itu merupakan hak seorang lelaki,

kerana lelaki yang memilih calon pasangannya. Tetapi, yang kita musykilkkan kenapa lelaki memilih wanita yang baik-baik sahaja, dia tidak mengukur sejauhmanakah dia sendiri telah melakukan kebaikan.

Hai, nampaknya kali ini saya terpaksa berleter sedikit. Saya terpaksa berleter kepada lelaki yang merupakan kaum sejenis saya, kerana itulah saya tahu sedikit sebanyak perangai kaum lelaki. Pemandu yang menjemput saya di



Memilih isteri tidak hanya dengan kecantikan saja.

lapanganterbang rupa-rupanya tersinggung bila saya katakan: lelaki sekarang tidak berlaku adil pada dirinya sendiri.

Tetapi antara saya dengan pemandu itu bukanlah satu perkara yang luar biasa jika kami bertukar pendapat. Antara kami itu adalah satu perkara biasa, dan dia pun telah mengenali saya sedikit sebanyak, baik luar dan dalam diri saya. Stop. Yang lain saya tak ingin ceritakan, kerana terlalu dalam sangat, nanti tersalah pula. Biarlah saya biarkan para pembaca ghairah

bersendirian ibarat ghairahnya mengintai, jauhkanlah bayang-bayang kotor singah di ingatan.

Yang lelaki pilih isteri yang baik-baik. Tetapi dia sendiri kadangkala lebih teruk dari segalanya. Hidup mudanya bergelumang dengan kejahatan, dan temanwanita bersilih ganti sebagaimana mengantikan pakaian. Hai, teringat pula kepada Drama Al-Iradah yang disiarkan melalui kaca TV tahun lalu. Khabarnya drama itu dapat anugerah Sri Angkasa, anugerah apa saya tidak

begitu jelas, kerana saya ni bukanlah pelanggan setia TV.

Kebetulan pada ketika itu saya memberikan maklumbalas dari apa yang saya baca. Saya ketika itu sedang membaca satu berita dalam akhbar, iaitu rintihan seorang kekasih yang ditinggalkan oleh kekasihnya yang tersayang. Kononnya sudah bertahun-tahun lamanya mereka berkawan. Sampai kepada suatu waktu di mana gadis tersebut bertanyakan "bilakah kita akan kahwin" lelaki tersebut pura-pura terkejut.

Katanya, perkahwinan tidak penting. Tidak penting baginya kerana dia ingin mengelakkan dari berkahwin dengan kekasihnya yang dibawa ke hulu ke hilir saban malam minggu sejak berapa lama lagi. Alasan yang dia berikan adalah agak mengelirukan. Kononnya gadis tersebut bukanlah pasangan yang cocok, tidak boleh dibuat bini.

Dia berpegang kepada falsafah "mencari isteri bukannya di stesen bas, atau panggung wayang." Gadis yang ditemui ini ialah di sebuah stesen bas ketika masing-masing sedang menunggu bas untuk balik ke Petaling Jaya. Mereka berkenalan, lepas itu mulalah buat temujanji dan sebagainya.

Akhirnya dihayunkan ke sana ke mari. Tak tahuhlah apa yang berlaku selanjutnya. Bergambar bersama tentu sekali. Yang lain, saya tak tahu. Sampailah ketikanya

mereka cuba menyatakan rasa hati dan matlamat sebenarnya pergaulan mereka. Si gadis pun tahu bukannya kekasihnya itu layak untuk berkahwin, sudahpun bekerja dan umur hampir tiga puluh.

Bila ditanyakan soalan itu dia pura-pura tidak mahu. Dia tetap dengan falsafahnya bahawa calon isteri mestilah orang yang baik dan tidak bersosial. Dia mesti seorang yang lemah lembut dan sebagainya. Gadis yang digaulinya itu tidak sesuai untuk dijadikan calon isteri yang sesuai ialah calon bersosial dan tengok wayang ataupun melepaskan kesepian ketika hari minggu. Tidak lebih daripada itu.

Bukan saya geram, tapi saya unkitkan cerita itu kerana saya lihat itulah kecenderungan yang saya temui bila berjumpa rakan-rakan sekampus dahulu. Saya tahu, mereka dahulu bolehlah dianggap sebagai "buaya" dan sering bertukar pasangan. Dia memasang kekasih ramai, bukan setakat dalam kampus, bila berada di luar kampus dia takcik "minah kilang" yang banyak kedapatan di Minden Height ataupun Sungai Nibung. Dia hayun ke sana ke mari.

Bila keluar, jadi pegawai itu dan ini, ada kereta dia angkat juga perempuan ke sana ke mari. Tetapi satu pun tidak terlekat. Akhirnya bila nak kahwin dia cari gadis kampung, kononnya gadis kota yang ditemuinya "semuannya tidak

original''. Apakah yang dimaksudkan ''original'' saya sendiri pun tak tahu. Tapi, bila saya tanyakan ''you masih original'' Dia hanya jawab, ''Kita lelaki tidak kisah, original ataupun tidak..''

''Habis, you lelaki palsulah. Kalau begitu you ni pondan,'' balas saya. Dia semacam tersalah cakap. Akhirnya dia berfalsafah yang bukan-bukan, saya sendiri pun takut untuk mendengarnya.

''Bagaimana dengan kau'', tanya dia kepada saya. Saya tahu kali ini dia cuba menjerat saya. Saya tahu tekitnya, lantas saya menjawab ''terserah pada takdir yang menentukannya. Jika saya bertemu nanti, saya akan kahwin dengan sesiapa sahaja asalkan dia sanggup menerima hakikat sebagai seorang isteri''

''Jadi, kau tidak mahu bercinta-talah sebelum kahwin'' selanya. Agak tegas sedikit pertanyaannya. Tidak terduga oleh saya soalan sedemikian akan terkeluar dari mulutnya.

''Buat apa bercinta-cinta, kalau bercinta hanya untuk melepaskan rasa kekosongan hidup di zaman remaja. Saya kurang per-

caya dengan cinta sebelum kahwin. Cuba tengok orang tua kita. Mana adda kesempatan untuk mereka bercinta di zaman bujangnya dulu.''

''Itulah lain.'' Katanya. Saya terus menggasaknya, ''apa yang lainnya? Ayah kita seorang lelaki dan ibu seorang perempuan. Apakah ada kelainan di antara sifat lelaki dan perempuan zamannya dengan zaman kita? Tentunya tidak. Yang membezakan ialah zaman dan keadaan persekitaran. Di zaman dahulu tidak ada kebebasan bergaul, serta bercinta-cintaan seperti masakini.''

Itulah sebahagian daripada imbauan ingatan saya suatu waktu dahulu. Imbauan itu tidak mungkin kembali dalam ingatan, jika indera saya tidak tersentuh dengan peristiwa yang kami pertengkarkan.

Hai, nasiblah badan! Yang dikejar rupanya bayang-bayang hitam yang semakin kelam. Malam bertambah larut, dan hotel yang kami tuju semakin dekat. Pesawat yang saya naiki adalah yang terakhir pada malam itu, saya terpaksa meninggalkan pemandu tersebut pulang bersendirian. Saya terus melangkah masuk ke hotel.

LAPORAN KOPERASI ANIB BERHAD

Di sini kami ingin mengambil kesempatan untuk memberi serba sedikit laporan mengenai kegiatan dan perjalanan Koperasi ANIB sepanjang tahun 1984 hingga tahun 1985. Dengan adanya maklumat sedemikian dapatlah juga ianya memberi gambaran dan pengetahuan kepada Ahli-Ahli Koperasi khususnya dan Ahli-Ahli BINA amnya.

TENAGA PENGURUSAN

Struktur Pengurusan Koperasi ANIB mengandungi beberapa orang Ahli Lembaga Pengarah dan juga kakitangan pengurusan. Perlantikan atau Pemilihan Ahli Lembaga Pengarah adalah dibuat berdasar kepada Undang-Undang Kecil Koperasi 44(a) dan 45. Ahli Lembaga Koperasi ANIB adalah terdiri daripada:-

Pengerusi — Datuk Amar Abang Haji Yusuf Puteh
Tim. Pengerusi — Tuan Haji Saad Hassan
Pengarah — Tuan Haji Mokhsen

Ibrahim

Pengarah — Tuan Haji Fathi Haji Duet

Pengarah — Encik Alwo Shafiee

Pengarah — Encik Alif Shah

Pengarah — Cik Salmah Said

KEAHLIAN

Penyertaan Ahli-Ahli BINA dalam Koperasi ANIB masih belum begitu memuaskan. Dalam tahun 1984 jumlah Ahli baru yang diterima menjadi Ahli ialah seramai 7 orang manakala dalam tahun 1985 bilangannya hanya 8 orang sahaja. Dengan tambahan tersebut jumlah bilangan Ahli pada penghujung tahun 1985 ialah 317 orang.

Kalau ditinjau dari segi bilangannya jelas menunjukkan bahawa masih ramai lagi Ahli-Ahli BINA belum menyertai Koperasi ANIB. Apa yang menjadi harapan kita semoga mereka ini akan tampil bersama-sama menegak dan memajukan di dalam bidang ini.

MODAL SAHAM AHLI

Walaupun bilangan Ahli hanya begitu kecil sahaja namun Modal Saham yang diterima daripada Ahli-Ahli sangat-sangat mengalakkkan sekali. Pada penghujung tahun 1984 jumlah Modal Saham Ahli ialah \$274,030.00 manakala dalam tahun 1985 ianya meningkat berjumlah \$293,890.00 iaitu satu tambahan sebanyak \$19,860.00.

Sayugia diingatkan kepada Ahli-Ahli yang belum lagi menjelaskan penuh Modal Saham mereka supaya dapat berbuat demikian. Ini membolehkan kita meluaskan lagi perjalanan Koperasi dengan lebih mantap lagi. Insya-Allah.

KEMUDAHAN DAN PERKHIDMATAN

Pada Peringkat ini keupayaan Koperasi ANIB di dalam menyediakan perkhidmatan dan kemudahan-kemudahan yang diperlukan oleh Ahli-Ahlinya bolehlah dibanggakan. Ini terbukti dengan wujudnya beberapa kemudahan yang dijalankan dan disediakan kepada Ahli-Ahli seperti:-

- (a) Pinjaman Biasiswa
- (b) Kebajikan Ahli
- (c) Pinjaman Biasa (Ordinary Loan)

PINJAMAN BIASISWA

Sejak Skim ini dilancarkan dalam tahun 1985, pihak Koperasi telah melulus seramai dua orang Ahli. Jumlah yang diluluskan ialah berjumlah \$8,400.00 kesemuanya.

Walaupun kadar jumlah ini amat kecil namun apa yang menjadi kebanggaan ialah kemampuan di dalam memberi bantuan terhadap Ahli-Ahli dalam masalah kewangan. Perlu diumumkan bahawa Pinjaman Biasiswa ini adalah khusus untuk bidang Pelajaran Ahli atau anak-anak Ahli sahaja.

KEBAJIKAN AHLI

Dalam Tahun 1985 Koperasi telah menyumbang sebanyak \$400.00 kepada Ahli-Ahlinya di bawah Skim ini. Kelayakan bagi mendapat bantuan tersebut adalah berdasar kepada sebab-sebab tertentu mengikut seperti mana digaris dalam syarat-syarat yang dibuat.

PINJAMAN BIASA

Untuk mengada atau menjalankan aktiviti Pinjaman kepada Ahli-Ahli bukanlah perkara yang sewenang-wenangnya diperkatakan. Ianya memerlukan kajian teliti diberapa sudut. Walau bagaimanapun ini terserahlah kepada kebijaksanaan kita mencari jalan atau langkah yang sesuai difikirkan untuk mengatasinya.

Alhamdulillah juga pada penghujung tahun 1985 Koperasi ANIB berupaya menjalankan aktiviti pinjaman ini walaupun pada dasarnya banyak masalah yang harus dihadapi akan tetapi demi untuk memberi perkhidmatan kepada Ahli-

Ahli perkara tersebut harus dilalui dan ditempuhi. Sejak ianya dijalankan pada penghujung Tahun 1985 seramai 19 orang Ahli telah mendapat kelulusan daripada pihak Lembaga Pengarah dan jumlah pinjaman yang telah diberi dan dilulus kepada mereka ialah \$38,862.00. Apa yang menjadi kebanggaan bahawa pinjaman ini tidak akan dikenakan sebarang faedah akan tetapi hanya sekadar dikenakan bayaran mengurus (Service fee) dengan kadar yang paling rendah iaitu empat peratus (4%). Had maksimum pinjaman ini ialah tidak melebihi \$5,000.00. Kelayakan dan jumlah yang akan diluluskan adalah berdasar kepada syarat-syarat dan peraturan yang telah ditentukkan oleh pihak Koperasi.

MESIN AKAUN NCR

Dalam usia Koperasi ANIB yang telah meningkat dewasa tambahan pula kegiatan-kegiatan dijalankan semakin mulai bertambah,


maka penyusunan di dalam bidang Pengurusan perlu diambil perhatian serious. Ini adalah semata-mata untuk memudahkan menjalankan kerja dengan licin dan bersistematis. Dalam perkara tersebut, Lembaga Pengarah telah mengambil inisiatif dengan membeli satu Unit Mesin Akaun NCR di mana kegunaannya adalah untuk memproses Penyata Akaun Tahunan Ahli. Atas usaha dan inisiatif yang begitu gigih pihak Koperasi telah berupaya memiliki Mesin tersebut dalam tahun 1985 dan lantaran itu dapat juga menyiapkan Penyata Akaun Ahli bagi tahun berkenaan.

Pencapaian-pencapaian yang ada sekarang, walaupun kelihatan masih minima tetapi keseluruhaninya sudah boleh menjadi asas ke arah perkembangan selanjutnya. Namun begitu ianya perlu juga diusaha dan ditingkatkan dengan lebih cergas lagi untuk menuju kepada tahap matlamat dan objektif Koperasi ANIB sendiri.



MUSYAWARAH AGUNG KOPERASI ANIB BHD. YANG KE TUJUH

Suara dari



1. Puji syukur kepada Allah, dan syabas kita ucapkan, atas berlangsungnya Musyawarah Agung Tahunan yang ke tujuh Koperasi ANIB, pada hari Sabut, 22 Rabiul Akhir 1407/27 Disember 1986.
2. Sebagaimana kita semua sedia maklum, Koperasi ANIB adalah

satu koperasi yang ditubuhkan oleh Pergerakan Islam "Angakatan Nahdhatul Islam Bersatu (BINA)", sebagai satu usaha bidang ekonomi, dalam rangka strategi "Harakah Islamiah"

3. Dalam beberapa persamaan dengan koperasi-koperasi lainnya, Koperasi ANIB tentulah mempunyai keistimewaan, terutama mengenai latar belakang dan landasan pendiriannya.
4. Latar belakangnya ialah ISLAM dan landasannya ialah IMAN.
5. Dengan demikian, maka semua usaha dan perlaksanaan aktivitinya mestilah merupakan IBADAH dan matlamat akhirnya ialah MARDHATILLAH.
6. Maka oleh sebab itu semua ahli dan pekerja-pekerja yang terlibat dalam Koperasi ANIB hendaklah memenuhi syarat-syarat sebagai berikut:

- 6.1 Hendaklah memasang niat yang ikhlas kerana Allah, dari mulai mengisi borang kemasukan dan pada setiap pekerjaan yang telah ditentukan, sebab: tidak sah sesuatu ibadat tanpa niat kerana Allah.
- 6.2 Semangat kerjasama dan tolong menolong dalam Koperasi ANIB hendaklah selalu dipupuk, kerana Islam memerintahkan, antara lain tersebut didalam:
- a) Al-Quran, Surah Al-Maidah, ayat 2: yang bermaksud: "Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan dalam membuat kebajikan dan dalam menegakkan "taqwa" (Sebaliknya) janganlah kamu bertolong-tolongan dalam membuat dosa dan permusuhan."
 - b) Al-Quran, Surah Al-'Ashr, yang bermaksud: "Demi masa, sesungguhnya manusia benar-benar berada dalam kerugian, kecuali orang-orang yang beriman dan menger-
- jakan amal saleh dan nasihat-menasihati supaya tetap dalam kebenaran dan supaya tetap sabar dan tabah hati."
- 6.3 Dalam mengambil setiap keputusan, maka dasar musyawarah hendaklah selalu diamalkan, kerana Agama Islam memerintahkan, antara lain tersebut didalam:
- a) Al-Quran, Surah Asy-Syura, ayat 38 yang bermaksud: "Dan urusan mereka (di-putuskan) dengan musyawarat diantara mereka."
 - b) Al-Quran, Surah Ali-Imran, ayat 159 yang bermaksud: "Dan bermusyawaratlah dengan mereka dalam urusan itu."
- 6.4 Tekun dan bersungguh-sungguh dalam menghadapi usaha, kerana demikianlah kesukaan Allah, sebagaimana tersebut didalam: Hadis Rasulullah s.a.w., riwayat Baihaqi, yang bermaksud: "Sesungguhnya Allah suka, bila seseorang menghadapi suatu pekerjaan,

dikerjakannya dengan tekun dan bersungguh-sungguh."

7. Dengan pegangan dan pedoman tersebut, insyaAllah Koperasi ANIB akan maju dan berjaya

mencapai matlamatnya. Seluruh ahli BINA patut sekali mencebur diri kedalamnya.

Wabillahittaufiq.
(HASAB)

RANGKUMAN DOA

*Lupa bismillah
dan teringat tengah makan*

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Rasulullah s.a.w. bersabda:

"Apabilla seseorang dari kamu hendak makan, sebutlah nama Allah. Dan apabila lupa menyebutkan nama Allah pada awal mulanya, maka ucaplah: 'Bismillaahi awwaluhu wa aakhirahu.)'"

Ertinya:

"Dengan nama Allah dari mula hingga akhirnya"
(H.R. Abu Daud dan Turmuzi dari Aisyah r.a.)

Ruang Tokoh Kita [REDACTED]

Mush'ab pemuda tampan dilahirkan di Mekah.

MUSH'AB BIN UMAIR

Dia seorang remaja Quraisy yang terkemuka, paling tampan, penuh dengan jiwa dan semangat kepemudaan.

Ia lahir dan dibesarkan dalam kesenangan dan kemanjaan orang tua, hari-hari menjadi buah bibir gadis-gadis kota Makkah dan menjadi bintang

dalam setiap pertemuan kerana kecemerlangan otaknya dalam mengatasi apa-apa masalah yang timbul.

Suatu hari pemuda ini mendengar berita yang telah tersebar luas di kalangan penduduk Makkah mengenai Muhammad Alamin yang berkata bahwa dirinya telah diutus Allah sebagai nabi yang mengajak umat kepada menyembah Allah Yang Maha Esa, dan banyak lagi berita-berita mengenai Rasulullah saw dan ajaran yang dibawanya, yang telah didengarnya, diantaranya dia mendengar bahwa Muhammad bersama pengikut-pengikutnya selalu mengadakan pertemuan di bukit shafa di rumah Arqam bin Abil-Arqam, untuk menghindari gangguan kaum quraisy dan ancaman-ancamannya, disanalah Rasulullah mengajarkan ayat-ayat Al-Qur'an.

Pada suatu senja Mush'ab pergi ke rumah Arqam bin Abil-Arqam, baru saja dia duduk, ayat-demi ayat daripada Al-Qur'an mulai mengalir dari kalbu Rasulullah, bergema melalui kedua bibirnya dan meresap di hati para pendengar, Mush'ab pun terpesona oleh untaian kalimat Rasulullah yang tepat menemui sasaran pada kalbunya, kerana rasa haus dan gembira, tersentak untuk segera bangkit, tetapi Rasulullah dengan cepat mengulurkan tangannya dan mengusap dada pemuda yang sedang panas bergejolak, hingga akhirnya menjadi tenang dan damai bagi lautan yang teduh dan dalam. Pemuda yang telah islam dan iman itu

nampak telah memiliki ilmu dan hikmah yang luas.

Setelah memeluk Islam tiada suatu kekuatanpun yang ditakutinya selain dari ibunya sendiri, Khunas binti Malik, seorang wanita yang berkepribadian kuat, dan pendiriannya tak dapat ditawar, Mush'ab pun mengambil keputusan untuk menyembunyikan keislamannya sampai terjadi sesuatu yang dikehendaki Allah. Demikianlah senantiasa ia bolak-balik ke rumah Arqam menghadiri Majlis Rasulullah dengan perasaan bahagia.

Suatu hari Usman bin Thalhah melihat Mush'ab memasuki rumah Arqam secara sembunyi, kemudian pada hari yang lain dilihatnya pula ia melakukan shalat seperti yang dilakukan Muhammad saw, secepat kilat ia jumpai ibu Mush'ab dan melaporkan berita yang dijamin kebenarannya.

Mush'ab disidang dihadapan ibu, keluarganya dan para pembesar Makkah yang berkumpul di rumahnya, dengan hati yang yakin dan pasti dibacakannya ayat-ayat Al-Qur'an.

Mush'ab dikurung dan dipenjarakan beberapa lama hingga beberapa orang-orang muslimin hijrah ke Habasyah, ia berhasil lolos dan pergi ke Habasyah.

Ujian datang kepadanya dengan tak henti-hentinya, tapi ia merasa puas dapat mempersempahkan kehidupannya kepada Penciptanya Yang Maha Tinggi.

Akhir pertemuan Mush'ab dengan ibunya, terjadi ketika perempuan itu

mencoba mengurungnya lagi, Mush'ab pun bersumpah untuk membunuh orang-orang suruhan ibunya bila rencana itu dilakukan, mengentahui kebulatan tekad anaknya tak ada jalan lain kecuali melepaskannya dengan cucuran air mata, sementara Mush'ab mengucapkan selamat tinggal dengan menangis pula.

Ketika ibunya mengusirnya dari rumah sambil berkata: "Pergilah sesuka hatimu! aku bukan ibumu lagi." Mush'ab pun menghampirinya sambil berkata: "Wahai bunda telah anakda sampaikan nasehat kepada bunda dan anakda menaruh kasihan kepada bunda kerana itu bersaksilah bahwa tiada Tuhan melainkan Allah dan Muhammad itu utusan Allah. Dengan murka ibunya menjawab: "Demi bintang, sekali-kali aku tak akan masuk agamamu itu, otakku akan jadi rusak dan buah fikiranku tak akan diindahkan orang lagi.

Demikianlah Mush'ab meninggalkan kemewahan dan kesenangan yang dialaminya selama ini dan memilih hidup miskin dan sengsara, pemuda tampan yang dahulunya kemas itu, kini telah menjadi melarat dengan pakaianya yang kasar dan usang, sehari makan dan beberapa hari kelaparan, tapi jiwanya yang telah dihiasi oleh aqidah suci dan cemerlang berkat nur Ilahi, telah merubah dirinya menjadi seorang manusia lain, manusia yang dihormati, penuh wibawa dan disegani.

Suatu ketika Rasulullah saw mengutus Mush'ab ke Madinah untuk

mengajarkan dan menyebarluaskan Islam, pada saat itu kaum muslimin hanya 12 orang, yaitu mereka yang telah dibai'at di bukit aqabah, akan tetapi tak sampai beberapa bulan kemudian, meningkatlah orang-orang menyambut panggilan Allah dan Rasul-Nya.

Pada perang uhud, Mush'ab mendapat penghargaan Rasulullah untuk membawa bendera. Pererangan ber-kobar, pasukan pemanah melanggar perintah Rasulullah saw dengan meninggalkan kedudukan mereka di celah bukit setelah melihat orang-orang musyrikin menderita kekalahan dan mengundurkan diri, dengan tidak diduga, pasukan berkuda Quraisy menyerbu kaum muslimin dari puncak bukit, lalu tombak dan pedangpun berdentang bagaikan mengamuk membantai kaum muslimin yang tengah kacau balau. Melihat barisan kaum muslimin porak poranda, musuhpun menujukan serangan ke arah Rasulullah dengan maksud menghantamnya, Menyadari keadaan yang gayat itu, Umair segera mengancangkan bendera setinggi-tingginya dan bagaikan suara singa ia bertakbir sekeras-kerasnya lalu maju ke muka melompat, mengelak dan berputar lalu menerkam, untuk menarik perhatian musuh kepadanya agar mereka melupakan Rasulullah saw, Walaupun seorang diri, tetapi Mush'ab bertempur bagaikan pasukan tentara besar, sebelah tangannya memegang bendera dan sebelah lagi menebaskan pedang.

Ibnu Saad berkata: "Ibrahim bin

Muhammad bin Syurahbil al-Abadri menceritakan kepada kami yang bapaknya berkata: "Mush'ab bin Umair adalah pembawa bendera di perang Uhud, tatkala barisan kaum muslimin pecah, Mush'ab bertahan pada kesudukannya. Datanglah seorang musuh berkuda Ibnu Qumaiyah namanya, lalu menebas tangan Mush'ab hingga putus, sementara Mush'ab mengucapkan: "Muhammad itu tiada lain hanyalah seorang rasul," maka dipegangnya bendera dengan tangan kirinya sambil membungkuk melindunginya, musuh pun datang lagi menebas tangan kirinya itu hingga putus pula, Mush'ab membungkuk ke arah bendera, lalu dengan kedua pangkal lengan meraihnya ke dada sambil mengucapkan: "Muhammad itu tiada lain hanyalah seorang Rasul dan sebelumnya telah didahului oleh beberapa Rasul," lalu orang berkuda itu menyerangnya ketiga kali dengan tombak dan menusukkannya hingga tombak itu pun patah, Mush'ab gugur dan bendera jatuh."

Ia gugur sebagai bintang dan mahkota para syuhada.

Ia sangat besar cintanya kepada Rasulullah, ia sangat cemas memikirkan Baginda saw, setiap kali ia melangkah untuk melindunginya, setiap kali pedang jatuh dan tangannya terputus dihiburnya dirinya dengan ucapan: "Muhammad itu tiada lain hanyalah seorang Rasul dan sebelumnya telah didahului oleh beberapa rasul."

Rasulullah berdiri di hadapan Mush'ab bin Umair dengan pandangan

mata yang pendek bagi menyelubungi-nya, dengan kesetiaan dan kasih sayang dibacakannya ayat ini:

وَنِّ الْمُؤْمِنِينَ رَجَالٌ مَّدْعُوا
لِللهِ عَلَيْهِ فَعَنْهُمْ مَّنْ قَضَى نَحْبَهُ
وَمَنْ هُمْ مِنْ يُفَظِّرُ وَمَا يَدْلُوْتَ بِهِ لِلَّهِ

"Diantara orang-orang Mu'min terdapat pahlawan-pahlawan yang telah menepati janjinya dengan Allah; maka diantara mereka ada yang gugur. Dan diantara mereka ada (pula) yang menunggu-nunggu dan mereka sedikit-pun tidak meroboh janjinya." S Al-Ahzab 23.

Kemudian dengan mengeluh memandangi burdah yang digunakan untuk kain tutupnya, seraya bersabda:

"Ketika di Makkah dulu, tak seorangpun aku lihat yang lebih halus pakaiannya dan lebih rapih rambutnya dari padamu, tapi sekarang ini, dengan rambutmu yang kusut masai, hanya dibalut sehelai burdah."

Rasulullah mengarahkan pandangan ke medan dan para syuhada seraya bersabda: "Sungguh Rasulullah akan menjadi saksi nanti di hari qiamat, bahwa tuan-tuan semua adalah syuhada di sisi Allah

Kemudian Baginda berpaling ke arah sahabat-sahabat yang masih hidup dan bersabda: "Hai manusia, ziarahilah dan kunjungilah mereka! serta ucapkan salam keatas mereka! Demi Allah Yang Menguasai nyawaku, tak seorang


Muslimpun sampai hari qiamat yang memberi salam kepada mereka, pasti akan membalaunya.”

Petikan dari Terjemah
Ryalan haulal-Rasul
Markas BINA Kuching

مَنْ مَاتَ وَلَمْ يَفْرُزْ وَلَمْ يَنْوِ الْغَزوَ
مَاتَ مَيْتَةً جَاهِلِيَّةً (سَلَمَ)

“Barangsiapa yang mati sebelum ikut serta dalam peperangan (menegakkan Agama Allah), dan belum berniat untuk ikut berperang itu, maka ia mati dalam jahiliah.””(Muslim).

- Hiasan yang sesuai untuk dinding.



Ruang Muslimah

INGAT MENINGATKAN

Duhai gadis! Dengarlah keagongan kalimah Al-Quran. Relalah ajaran Muhammad SAW menyusup masuk ke lubuk hatimu. Keindahan nya tersembunyi dalam fikiranmu, akan menambah seri pada wajahmu. Umpama bunga mawar yang indah mekar. Meninggalkan pewanginya walau kelopaknya sudah layu.

Duhai gadis! Dalam usia remajamu. Bila mata-mata pria memandangmu dengan tajam, naluri wanita mu akan menyerah terhadap kerlingan mereka. Kawallah dirimu dengan melabuhkan jilbabmu. Hindarkan bisikan-bisikan syaitan dari luar atau dari dalam diri mu. Mintalah perlindungan dari Tuhanmu.

Ketahuilah sebagai isteri, kamu adalah teman seorang lelaki; bukan hambanya atau orang gajinya; Matlamatmu bukan sekadar memuaskan nafsunya, tetapi menolongnya dalam ketika kegertingan hidup dan menghiburkannya dengan belaian kasihmu.

Berterima kasih terhadap apa yang dicariakan untuk kamu, dan buatlah haranya seperti milik kamu juga. Wanita yang beriman dan bertaqwa ialah mereka yang memenangi hati suaminya dan dia

penyejuk matanya.. Tangannya mencari pekerjaan di rumah dan tidak menyukai meraya dengan sia-sia di jalan raya. Percakapannya merdu, kata-kata nya lemah lembut, jawapannya segar. Tunduk dan patuh adalah cahaya hidupnya dan rumahnya menjadi taman keselamatan dan kegembiraan.

Gembiralah lelaki yang menjadikannya isteri dan anak-anak yang memanggilnya ibu. Dia adalah permaisuri dalam rumah tangganya dan dia memerintah dengan bijaksana. Dia bangun awal pada waktu pagi dan menyahut tugasnya dengan bersungguh-sungguh; Kerana kebijikan keluarga adalah satu kemegahan.

Tadbiran yang sempurna menambahkan pujian suami terhadapnya dan hati suami akan dipenuhi kepuasan. Dia menyuburkan kebijaksanaan dalam fikiran anak-anaknya dan budi-pekerji mereka adalah lahir dari contoh kehidupannya. Setiap patah kata-katanya menjadi arahan yang penting dan pergerakan bola matanya melahirkan taat dan kasih anak-anaknya. Gembiralah lelaki yang menjadikan nya isteri dan gembiralah anak yang memanggilnya ibu!

Wanita Islam Mithaliyyah tidak rela tinggal diam tanpa jihad menentang kepalsuan dan kebatilan. Terkian batinya, jika tidak dapat menyertai bon-

dongan perjuangan.

Dari:

Bahagian Hal Ehwal Pelajar BINA



• BERITA DUNIA ISLAM

PERKHEMAHAN BELIA ISLAM “WAMY” DI SEOUL KOREA

Sekarang ini di Seoul, Ibu Negara Korea Selatan, sedang dilangsungkan satu perkhemahan Belia Islam yang dikelolakan oleh Pertubuhan Belia Islam Antarabangsa (Wamy), dan diikuti oleh seramai 120 peserta dari Korea, Jepun, Hongkong dan Republik Rakyat China.

Beberapa tokoh belia Islam akan memberikan ceramah-cermahnya pada perkhemahan itu, antara lain: Dr. Taufiq Ahmed Alqusair, Setiausaha Agung Wamy, Encik Kamaruddin Noor, wakil WAMY bagi kawasan Asia dan Pasifik, dan Dr. Abu Bakar Kim, Pengarah Agung Persatuan Muslim Korea, dan Dr. Abdul Razak Suhani, Ustaz Pengajaran Asing di Universiti Bangkok, serta Ahmed Kamal, Duta Besar Pakistan di Korea

Fihak Wamy telah melaksanakan 3 kali acara perkhemahan, dengan bekerja sama dengan fihak Persatuan Muslim Korea tersebut, iaitu diantara

tahun 1402 H dan 1405 H.

Adapun matlamat program tersebut adalah memperdalam perasaan dan janji Islam bagi belia Islam dikawasan ini, dan memperkuat tali ukhuwwah dan setia-kawan Islam sesama mereka, sebagaimana juga dimaksudkan bagi pembahasan cara-cara atau methode da'wah yang sesuai dikawasan tersebut, pengajaran Bahasa Arab dan Kebudayaan Islam.

(Rabithah Alam Islami,
No. 985, 27 Zulhijjah 1406 H).

PARADE MUSLIM DI AMERIKA SYARIKAT

Kaum Muslimin Amerika telah melaksanakan suatu parade di New York pada September 21, sebagai projeksi daripada nilai-nilai kerohanian dan kebudayaan Islam.

Para peserta parade itu adalah dari berbagai-bagai bangsa yang bermustawtin di Amerika Syarikat.

Satu Organisasi "Hari Dunia Muslim" telah ditubuhkan, bagi mengadakan segala persiapan lagi menjayakan program itu. Adapun tema Parade tersebut adalah "Kedamaian, keadilan dan perpaduan."

"Kita ingin menyatakan bahwa kaum muslimin adalah manusia yang

cintai damai, dan tidak suka membuat kerusuhan yang senantiasa ditunjukkan oleh fihak media massa disini, demikian dinyatakan oleh M.Z. Pirzada, salah seorang ahli Pengarah Jawatan Kuasa dari Pakistan.

Berbicara pada satu acara jamuan makan malam disini, selanjutnya mengatakan bahwa parade itu telah memperoleh temanya yang bernafaskan sesuatu yang telah diarahkan oleh Alqur'an dan Al Hadis.

Yang memimpin parade itu adalah Imam Waris Din Muhammad, seorang tokoh Muslim dari Amerika.

(RAI, 985, 27 Zulhijjah 1406-H)

"BAHASA ARAB" SAHAJA!

Fihak Pelabuhan Islam Jeddah telah mengambil satu keputusan, untuk tidak melayani sebarang surat resmi; kecuali ditulis dalam Bahasa Arab-sahaja, dan ini berkuat kuasa dari 5 September 1986.

Surat-surat pekeliling telah disebarluaskan kepada semua fihak per-

wakilan perkapalan di Jeddah, dimana dinyatakan bahwa semua telex dan telegram dalam bahasa lain tidak akan dilayani lagi sejak itu.

Gerakan ini dilakukan sesuai dengan arahan fihak Kerajaan, bagi menggunakan Bahasa Arab khas untuk mengadakan komunikasi resmi bagi Jabatan Kerajaan dan syarikat-syarikat yang beroperasi di Arab Saudi.

Ramai yang masuk Islam

Di Belgium, seramai 3000 orang telah menyatakan diri masuk Agama Islam, dan sekarang mereka telah hidup dalam suasana udara baru, dengan

kehidupan rohani yang lebih tenang bersama "ikhwanul muslimin" yang lainnya. Demikian diberitakan oleh Bulletin Mingguan tempatan (Loving Express).

Di Jeddah: 8 orang masuk agama

Islam dihadapan President Mahkamah Syar'iyyah Kubra, dan diberitakan semua yang masuk Islam itu adalah dari kebangsaan Philippine.

(Rabitah Alam Islami,
No. 985, 27 Zulhijjah 1406 H).

"HARAM" KAN MUZIK DI SEKOLAH

Muzik, sebagai subjek pelajaran atau sebagai bentuk hiburan, telah dinyatakan terlarang (diharamkan) di semua sekolah-sekolah di Arab Saudi oleh Dr. Abdul Aziz Al Khuwaeitr, Menteri Pelajaran Arab Saudi.

Menteri tersebut telah memberikan kenyataan kepada semua fihat

kaki-tangan Jabatan Kementerian Pendidikan disini tentang perkara keputusan yang diambil tersebut serta meminta fihak mereka bagi mematuhi peraturan itu.

(RAI, No. 985,
27 Zulhijjah 1406 H)

عَنْ أَبِي يَعْلَمْ (شَدَّادَ بْنَ أَوْيَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ)
عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : إِنَّمَا مَنْ دَانَ
نَفْسَهُ وَعَمِلَ لِمَا يَقْدِمُ الْمَوْتُ وَالْعَاجِزُ مَنْ أَتَبَعَ
نَفْسَهُ هُوَ أَهْمَاهَا وَتَمَنَّى عَلَى اللَّهِ الْأَمَانِي
(روايه الترمذى)

Dari Abi Ya'laa, Syaddaad bin Aus, dari Nabi SAW., beliau bersabda: "Orang berakal ialah orang yang dapat menguasai dirinya dan banyak berbuat untuk hari akhiratnya.

Orang lemah adalah orang yang menuruti hawanafsunya, dan banyak berangan-angan kepada Allah." (Hadis Riwayat Turmudzi).

PEMIMPIN SOVIET KIAN MENENTANG AGAMA

Oleh: MARTIN WALKER (Dipetik dari Mingguan Malaysia, 7 Disember, 1986)

Moscow 6 Dis. — Pemimpin Soviet Union, Mikhail Gorbachev telah menunjukkan sikap jelasnya yang



MIKHAIL GORBACHEV

pertama kali terhadap agama dengan menyeru wilayah-wilayah kediaman Islam di bahagian selatan Soviet Union supaya "melancarkan perjuangan yang tidak bertolak ansur menentang fenomena agama."

Gorbachev membuat seruan itu semasa berucap kepada pegawai-pegawai kanan parti dan kerajaan di bandaraya Tashkent kediaman umat Islam, ibu wilayah Uzbekistan, semasa singgah di sana dalam perjalannya ke India baru-baru ini. Ucapan itu tidak disiarkan di dalam akhbar-akhbar Soviet dan ini adalah luar biasa.

Ucapannya dilaporkan secara pendek sahaja oleh Pravda Vostoka, akhbar lidah rasmi parti wilayah Uzbekistan, yang naskah-naskahnya tiba di Moscow beberapa hari

kemudian.

Gorbachev mengecam bukan sahaja agama, tetapi juga rasuah dan kegiatan ekonomi yang lembab di wilayah itu.

Beliau menuduh pegawai-pegawai parti tempatan turut menunaikan sembahyang dan berkata: "Kita mestilah bersikap tegas terhadap parti komunis dan pegawai-pegawai kanan, terutama mereka yang mendakwa mendokong kuat fahaman dan cita-cita komunis tetapi sebaliknya melindung dan menyokong pandangan agama dan mereka sendiri menyertai upacara-upacara agama."

"Kita mestilah mengisyiharkan perjuangan tegas dan tidak bertolak ansur menentang semua fenomena agama dan juga menguatkan lagi kerja politik kita dan propaganda kita tidak percayakan agama," kata beliau lagi.

Walaupun Gorbachev telah mengecam rasuah dan kegagalan ekonomi wilayah pada masa lalu, sebelum ini tidak pernah berucap mengenai soal agama dan kekuatan iman para penganut agama yang berterusan.

Tetapi Gorbachev pada masa lalu menyebut masalah pertumbuhan penduduk sebagai "masalah utama kita" walaupun kini hanya terdapat 50 juta rakyat Soviet beragama Islam, dari jumlah 280 juta penduduk.

Lebih tinggi kadar kelahiran

di kalangan keluarga-keluarga Islam bermakna bahawa menjelang tahun 2000, lebih seorang askar Tentera Merah dari setiap tiga orang akan datang dari sebuah keluarga Islam.

Ketika menghadapi "masalah" inilah Gorbachev terbang ke India untuk menyatakan bahawa kerajaan Soviet tidak lagi membiarkan askar-askar Soviet berada begitu lama di Afghanistan.

Republik Uzbekistan di selatan yang lebih 18 juta penduduknya kebanyakannya beragama Islam, telah dijadikan sebagai "tauladan" berlakunya rasuah sejak beberapa tahun lalu di bawah pemerintahan Sharf Rashidov, pemimpin parti sehinggalah dia mati dalam tahun 1983.

Di bawah Rashidov, rasuah menjadi lagenda. Rumah-rumah kanak-kanak yatim dan hospital dibina secara tidak cukuup sempurna kerana bahan-bahan binaan dirampas untuk membina rumah-rumah besar para pemimpin tinggi parti. Padang-padang lumba kuda swasta dibina dan wang negara digunakan untuk membina kandang-kandang kuda baka baik.



LAPORAN

SELAMAT DATANG
KE
KPG. DARUL IMAN TEBEBO



(Hj. Md. Fauzi Mohidin)

Mahasiswa/siswi
adakan
khemah kerja
sempena
Maulud Nabi





1	2
3	

Rombongan Siswa/Siswi bergambar untuk kenangan dipintu masuk ke Kampong Darul Iman, Tebedu pada 17.11.86 yang lalu.

Siswa dengan kerja amal membantu membuat lubang kubur di Durul Iman.

Majlis Dialog bersama orang kampung.

Sempena menyambut bulan maulud nabi SAW Angkatan Nahdhatul Islam Bersatu (BINA) dan Kumpulan Mahasiswa dan Siswi Islam Antara Bangsa KL seramai kira-kira lima puluh orang telah mengadakan khemah kerja amal di perkampungan saudara baru pada 14hb hingga 24hb November, 1986 yang lalu.

Rombongan Mahasiswa dan Siswi itu dibahagi dua. Rombongan pertama bertolak dari Kuching ke Bintangor pada 15hb November dengan Express untuk mengadakan lawatan dikampung Darul Falah Gamuan, sebuah rumah panjang orang Iban islam dan Bahagian itu. Khemah kerja mereka ini tidak saja tertumpu di Kampong Gamuan tetapi juga menyaluruh ke kampong-kampong orang islam lainnya. Rombongan ini telah di ketuai oleh Ketua Siswa Encik Zamani. Segala urusan dan lawatan dalam bahagian ini adalah tertaklok kepada kerjasama mereka





dengan BINA Cawangan Bintangor.

Rombongan kedua yang telah diketuai oleh Siswa Encik Sazali. Mereka telah dibawa ke enam buah perkampungan orang islam Bidayuh dalam daerah Kuching dan Tebedu, Serian, Bahagian Pertama, Sarawak.

1. Kampong Rayang Pedawan
2. Kampong Darul Iman Tebedu
3. Kampong Darul Falah, Temong, Tebedu
4. Kampong Tepoi, Tebedu
5. Darul Islam Belimbin

Pada 20.11.86 rombongan pertama dari Bintangor tiba di Tebedu untuk menyertai rombongan

Majlis Dialog bersama Tua Kampong Temong Ali bin Abdullah berbaju puteh dan bersongkok.

kedua melawat Pontianak selama tiga hari.

Pada 24.11.86 mereka balek ke Sarawak dan berehat di Kampong Darul Islam di Belimbin, Pedawan.

Projek Khemah kerja amal Siswa dan Siswi ini ternyata telah berhasil bukan saja dipandang dari segi kerja-kerja amal yang mereka lakukan namun usaha ini telah benar-benar dapat mengiratkan tali silaturrahmi dan persaudaraan sesama islam mereka dengan orang

islam bidayuh ditempat mereka itu.

Kemuncak dari kerja amal yang berjalan selama beberapa hari itu bersama dengan saudara baru ialah dalam bidang kuliah dan ceramah agama yang berjalan tiap-tiap malam dimasjid dan surau mereka.

Di siang hari selain dari kerja gotong royong, mereka telah melawat rumah ke rumah untuk berkenalan dan mengenali keadaan dengan lebih dekat lagi dalam bidang kehidupan saudara baru lebih-lebih lagi apabila mereka telah memelok agama islam yang suci ini.

Di Darul Falah Temong, Kumpulan mahasiswa dan siswi ini telah dapat mengislamkan satu keluarga bangsa bidayuh terdiri dari empat beranak. Majlis pengislaman itu telah diadakan dimasjid Darul Falah

yang dihadiri oleh semua penduduk kampong wakil dari BINA dan Majlis Islam Sarawak.

Ekoran dari kerja amal ini satu kursus agama islam telah diadakan untuk para belia saudara baru di Institute Dakwah BINA di batu 24 Jalan Kuching, Serian, dibawah anjorann Siswa dan Siswi itu sendiri. Kursus itu telah berjalan selama satu minggu.

Disamping itu kumpulan Siswa/Siswi ini telah mengadakan satu pameran khas yang diberi nama Pameran Mujahidin di Pejabat Majlis Islam Sarawak selama satu minggu. Yang Berhormat Menteri Muda Kemajuan Wilayah dan Pembangunan Masyarakat Abg. Johari bin Tun Abg. Haji Openg telah meresmikan pameran tersebut.

عَنْ أَنَّبِيَّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : " مَنْ أَحَبَّ أَنْ يُبَسْطَلَهُ فِي رِزْقِهِ وَيَنْسَأَ لَهُ فِي أَثْرِهِ خَلْيَصُ رَحْمَةٍ " (متفق علية)

"Dari padanya Anas (radhiyallahu 'anhу), bahwasnya Rasulullah SAW. telah bersabda:

"Barangsiapa yang suka rizkinya dimudahkan dan ajal serta umurnya dipanjangkan, maka hendaklah ia menghubungkan silaturrahimnya." (disepakati oleh para ahli hadis).

LAPORAN



*Yang Berhormat Menteri Muda Kemajuan Wilayah dan Pembangunan Masyarakat
Abg. Johari bin Tun Abg Hj Openg ber-salaman dengan penduduk Darul Iman.*

Abg. Johari lawat Darul Iman

OLEH: Hj. Md. Fauzi Mohidin

Pada 26/12/1986 yang lalu
Yang Berhormat Menteri Kemajuan
Wilayah dan Pembangunan
Masyarakat Abg. Johari bin Tun

Abg. Haji Openg telah mengadakan
lawatan ke Darul Iman Daerah Kecil
Tebedu.

Bersama sama dengan beliau

ialah Yang di Pertua Majlis Islam Sarawak Al Ustaz Haji Anis Haji Abot, Penolong Pengarah Yayasan Dakwah Islam Cawangan Sarawak Ustaz Chik Min Bin Chik Mat dan Penolong IMAM Besar Masjid Negeri Ustaz Haji Nahrawai bin Haji Abdul Rahman, dan beberapa orang lagi pegawai kanan kerajaan.

Beliau dan rombongan telah disambut secara sederhana oleh penduduk disitu.

Mengalu-alukan ketibaan beliau wakil dari penduduk Darul Iman Encik Hussin bin Abdullah menyatakan rasa bangga dan mengucapkan berbanyak banyak terimakasih kerana lawatan tersebut.

Dalam ucapan Encik Hussin memberitahu menteri bahawa kampong Darul Imam adalah satu-satunya kampong orang islam yang baru lahir dalam tahun 1982. Pada masa ini, terdapat 17 pintu rumah dan mempunyai kira-kira hampir satu ratus jiwa. Mereka adalah terdiri dari orang-orang muallaf dari suku Bidayuh.

Antara permohonan yang dimajukan kepada Yang Berhormat Menteri ialah permohonan agar Kerajaan dapat membantu mereka memperbaiki sebatang jalan kecil Darul Iman/Tebedu yang digunakan oleh penduduk kampong membeli belah di Tebedu, dan untuk kegunaan anak-anak sekolah dalam kapong itu.

2. Memohon agar Kerajaan

dapat mengregisterkan kampong itu menjadi kampong tetap untuk orang islam dalam Daerah Tebedu.

3. Memohon tangki air untuk tiap-tiap pintu rumah guna menyimpan air hujan untuk minuman.

4. Memohon agar masjid Darul Iman itu dapat diberi pagar, demi keselamatan.

5. Bermohon kepada Kerajaan agar dapat menghantar wakil pihak Mardi atau Fama atau lainnya kesitu supaya hasil mahsul tanaman mereka dapat dipasarkan mengikut harga pasaran yang betul.

Akhirnya Encik Hussin memberi jaminan bahawa penduduk dalam kampong itu adalah sepenohnya menyukong kerajaan Barisan National yang ada sekarang.

Yang Berhormat Menteri dalam ucapan Balasnya telah bermurah hati meluluskan derma Kerajaan \$3,000.00 ringgit untuk memperbaiki jalan kecil Darul Iman/Tebedu.

Mengenai permohonan lain seperti tangki air, pagar masjid, menyukat tanah dan lain-lain itu, beliau akan berusaha untuk membantu bukan saja penduduk Darul Iman tapi juga semua lapisan masyarakat didalam Daerah Kecill Tebedu, Isya Allah.

Yang Berhormat Menteri telah sama-sama berjemaah salat Jumaat dengan orang kampong.

Majlis berjumpa rakyat berakhir pada jam 3.40 petang.

RANGKUMAN DOA

KETIKA MENGHADAPI HIDANGAN

اللّٰهُمَّ بارك لِنَا فِيمَا رَأَيْنَا وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

Allahumma baarik lanaa fiimaa razaqtanaa,
Waqinaa adzaabannaari, bismillaah

Ertinya:

"Ya Allah, berkatilah kami dalam apa saja yang Engkau rizkikan pada kami
dan peliharalah kami daripada siksa api neraka.

(H.R. Ibnnussunny dari Abdullah bin Amru. r.a.)

الآخر 1407 جمادى

JANUARI/FEBRUARI 1987

AHAD	ISNIN	SELASA	RABU	KHAMIS	JUMAAT	SABTU
						1 ₃₁
2 ₁	3 ₂	4 ₃	5 ₄	6 ₅	7 ₆	8 ₇
9 ₈	10 ₉	11 ₁₀	12 ₁₁	13 ₁₂	14 ₁₃	15 ₁₄
16 ₁₅	17 ₁₆	18 ₁₇	19 ₁₈	20 ₁₉	21 ₂₀	22 ₂₁
23 ₂₂	24 ₂₃	25 ₂₄	26 ₂₅	27 ₂₆	28 ₂₇	29 ₂₈

JADUAL WAKTU SEMBAHYANG

Tanah	Daerah	Subuh	Terbit Matahari	Zuhur	Asar	Magrib	Isha
1-5	Kuching	5.29	6.50	12.52	4.14	6.56	8.07
	Sri Aman	5.24	6.45	12.47	4.09	6.51	8.02
	Satok	5.25	6.47	12.48	4.11	6.52	8.04
	Sibu	5.25	6.46	12.48	4.10	6.52	8.03
	Bintulu	5.21	6.42	12.44	4.06	6.48	7.59
	Kapit	5.21	6.40	12.42	4.04	6.46	7.57
5-10	Miri	5.19	6.40	12.42	4.04	6.46	7.57
	Limbang	5.16	6.37	12.39	4.01	6.43	7.54
	Lawas	5.15	6.36	12.38	4.00	6.42	7.53
	Kuching	5.29	6.50	12.52	4.14	6.56	8.06
	Sri Aman	5.24	6.45	12.47	4.09	6.51	8.01
	Satok	5.25	6.47	12.48	4.11	6.52	8.03
6-10	Sibu	5.25	6.46	12.48	4.10	6.52	8.02
	Bintulu	5.21	6.42	12.44	4.06	6.48	7.58
	Kapit	5.21	6.40	12.42	4.04	6.46	7.56
	Miri	5.19	6.40	12.42	4.04	6.46	7.56
	Limbang	5.16	6.37	12.39	4.01	6.43	7.53
	Lawas	5.15	6.36	12.38	4.00	6.42	7.52
11-15	Kuching	5.30	6.50	12.52	4.12	6.56	8.05
	Sri Aman	5.25	6.45	12.47	4.07	6.51	8.00
	Satok	5.27	6.47	12.49	4.09	6.53	8.02
	Sibu	5.25	6.46	12.48	4.10	6.52	8.02
	Bintulu	5.21	6.42	12.44	4.06	6.48	7.57
	Kapit	5.20	6.40	12.42	4.02	6.46	7.55
15-20	Miri	5.20	6.40	12.42	4.02	6.46	7.55
	Limbang	5.18	6.37	12.39	3.59	6.44	7.52
	Lawas	5.16	6.36	12.38	3.58	6.42	7.51
	Kuching	5.31	6.49	12.52	4.11	6.57	8.05
	Sri Aman	5.26	6.44	12.47	4.06	6.52	8.00
	Satok	5.28	6.45	12.49	4.08	6.54	8.03
16-20	Sibu	5.27	6.45	12.48	4.08	6.52	8.03
	Bintulu	5.23	6.41	12.44	4.03	6.48	7.57
	Kapit	5.21	6.39	12.42	4.01	6.47	7.55
	Miri	5.20	6.38	12.42	4.00	6.46	7.55
	Limbang	5.18	6.36	12.39	3.56	6.44	7.52
	Lawas	5.17	6.35	12.38	3.57	6.43	7.51
21-25	Kuching	5.31	6.49	12.52	4.09	6.57	8.05
	Sri Aman	5.26	6.44	12.47	4.04	6.52	8.00
	Satok	5.28	6.45	12.49	4.06	6.54	8.03
	Sibu	5.27	6.45	12.48	4.05	6.53	8.03
	Bintulu	5.23	6.41	12.44	4.01	6.49	7.57
	Kapit	5.21	6.39	12.42	3.98	6.47	7.55
25-29	Miri	5.21	6.39	12.42	3.98	6.47	7.55
	Limbang	5.19	6.36	12.39	3.56	6.44	7.52
	Lawas	5.17	6.35	12.38	3.55	6.43	7.51
	Kuching	5.30	6.48	12.52	4.08	6.56	8.05
	Sri Aman	5.25	6.43	12.47	4.03	6.51	8.00
	Satok	5.27	6.45	12.48	4.03	6.53	8.00
26-30	Sibu	5.26	6.45	12.49	4.02	6.52	7.99
	Bintulu	5.22	6.40	12.45	3.98	6.48	7.97
	Kapit	5.20	6.38	12.43	3.96	6.46	7.95
	Miri	5.20	6.38	12.41	3.96	6.46	7.93
	Limbang	5.18	6.35	12.39	3.56	6.44	7.92
	Lawas	5.16	6.34	12.37	3.52	6.42	7.91

إِنَّ الْمَلَهَ كَانَتْ عَلَىٰ
الْمُؤْمِنِينَ كَتَبَّاً
مُوْقُوتًا .

(النَّاسَ : 103)

“Sesungguhnya
sembahyang itu
fardhu yang telah
ditentukan waktunya
atas orang-orang
yang beriman.”

(An-Nisak: 103)

Yah!

Jadikan AL-HUDA
bacaan anda
setiap masa,
dapatkan senaskah.



JANGAN LUPO!

Memberi sumbangan, berupa artikel, buah fikiran, kewangan bagi membayar penerbitan yang sekarang masih tebatas.